

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KELIMA BELAS  
2023**

**HARI SELASA : 12 DISEMBER 2023**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan perkembangan terkini tentang pembayaran ganti rugi RM269.5 juta kepada Kerajaan oleh Syarikat Kausar Consortium Sdn. Bhd. (KCSB) atas keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur akibat kegagalan syarikat tersebut menyiapkan Projek Pembinaan Kem Tentera Darat di Taman Sri Skudai, Johor dalam tempoh waktu yang telah ditetapkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Februari 1996 telah memutuskan supaya Projek Merekabentuk dan Membina Kem Tentera Darat di Skudai, Johor (Kem Skudai) dilaksanakan secara penswastaan melalui konsep pertukaran tanah, di mana kontraktor dikehendaki menyiapkan Kem Skudai dan sebagai balasan tanah tapak Kem Tebrau diserahkan kepada kontraktor.
2. Akibat daripada kegagalan pihak kontraktor iaitu Syarikat Kausar Consortium Sdn. Bhd. (KCSB) menyiapkan projek Kem Skudai, Kementerian Pertahanan telah menyaman pihak KCSB melalui Guaman Sivil dan kes ini telahpun diputuskan diperingkat Mahkamah Tinggi sehingga Mahkamah Persekutuan, di mana pihak KCSB dikehendaki menjelaskan keseluruhan tuntutan berjumlah RM269,502,986.14 dan keseluruhan kos sebanyak 5% setahun; manakala kedua-dua Notis Usul pihak KCSB telah ditolak dengan kos RM30,000 seperti mana yang telah diarahkan oleh Mahkamah Tinggi di dalam Penghakiman bertarikh 21 Disember 2018.
3. Sehingga kini, jumlah tuntutan yang patut dibayar oleh KCSB kepada Kerajaan adalah sebanyak RM350,503,881.94 (termasuk faedah dan kos mahkamah). Terdapat struktur pembayaran yang telah dicadangkan oleh Jabatan Peguam Negara dan telah dipersetujui oleh KCSB untuk penyelesaian jumlah tuntutan tersebut. Sekiranya KCSB gagal menyelesaikan jumlah tuntutan dalam tempoh yang diberikan,

**NO SOALAN: 11**

Jabatan Peguam Negara akan meneruskan prosiding selanjutnya ke atas KCSB.

3. Setakat ini, KCSB telah membuat pembayaran sebanyak RM150,000 yang merupakan kos mahkamah, sebagaimana struktur pembayaran yang telah dipersetujui.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ.**  
**IBRAHIM**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ. IBRAHIM** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi meningkatkan hasil pendapatan petani dan pengusaha kelapa serta usaha Kementerian untuk merancakkan ekonomi industri tanaman kelapa yang sebelum ini dilihat sebagai sumber kakayaan baharu negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Bagi meningkatkan hasil pendapatan petani dan pengusaha kelapa, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melalui Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) telah melaksanakan Projek Pembangunan Industri Tanaman Kelapa yang merangkumi tiga (3) skop utama iaitu:

- (i) **Tanam Baru/Tanam Semula** iaitu pembukaan kawasan baru atau penanaman semula di kawasan sedia ada dengan menggantikan pokok-pokok yang tidak produktif;
- (ii) **Pemulihan** tanaman iaitu melaksanakan rejuvenasi kepada pokok-pokok kelapa yang lama tetapi masih produktif melalui pembajaan dan penggalak tanaman; dan
- (iii) **Integrasi** tanaman kelapa bersama tanaman, ternakan dan ternakair yang dapat menjana pendapatan tambahan kepada pengusaha disamping mengoptimumkan penggunaan tanah.

Di bawah program ini, DOA menyediakan insentif seperti penyediaan kawasan, sistem perparitan dan pengairan, pagar, jalan ladang, bekalan input pertanian (anak benih, baja, racun perosak, racun rumpai) dan peralatan kecil pertanian. **Bagi tempoh 2021 sehingga 2023, seluas 1,846 hektar kawasan tanaman kelapa telah dibangunkan dan 220 hektar kawasan tanaman kelapa telah dipulihkan melibatkan keseluruhan petani sebanyak 907 orang.**

## NO SOALAN: 12

Selain itu, tumpuan juga turut diberikan kepada pengeluaran benih kelapa berkualiti dan berhasil tinggi iaitu benih kelapa MATAG, Pandan, *Malayan Yellow Dwarf* (MYD) dan *Malayan Red Dwarf* (MRD) bagi menyokong projek pembangunan kelapa negara. **Sehingga 2022, sebanyak 808,940 anak benih kelapa telah dikeluarkan dan diedarkan kepada pengusaha-pengusaha tanaman kelapa.**

Anggaran pendapatan kasar setahun dengan pengurusan tanaman yang baik bagi pengusaha tanaman kelapa MATAG adalah daripada RM30,000.00 hingga RM37,500.00, manakala RM61,200.00 hingga RM81,600.00 bagi tanaman kelapa Pandan. Bagi pengusaha-pengusaha tanaman kelapa *Malayan Yellow Dwarf* (MYD), anggaran pendapatan kasar setahun adalah dari RM24,480.00 hingga RM40,800.00 dan bagi tanaman kelapa *Malayan Red Dwarf* (MRD) adalah dari RM24,480.00 hingga RM40,800.00.

Bagi merancakkan ekonomi industri tanaman kelapa, selain daripada memberi fokus kepada penggunaan kelapa segar, DOA juga memberi tumpuan kepada industri hiliran berdasarkan kelapa seperti pengeluaran minyak kelapa dara (VCO), karbon teraktif, cocopeat, santan, air nira, kuih tradisional, biskut kelapa, jel, kaya, kraf tangan dan lain-lain lagi bagi meningkatkan pendapatan petani dan pengusaha kelapa.

Dalam hal ini, kursus-kursus berkaitan pengurusan kelapa dan penghasilan produk hiliran berdasarkan kelapa turut dilaksanakan di Pusat Latihan Pertanian, DOA bagi meningkatkan kemahiran petani dan pengusaha tanaman kelapa. Sepanjang 2022, sebanyak 37 kursus pengurusan tanaman kelapa telah dilaksanakan melibatkan seramai

1,189 petani dan 21 kursus penghasilan produk IAT kelapa melibatkan seramai 532 pengusaha.

Terdapat seramai 324 usahawan Industri Asas Tani (IAT) kelapa yang berdaftar dengan DOA dengan nilai jualan mencecah hampir RM60 juta bagi tahun 2022.

Kerajaan juga melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara Bilangan 2 Tahun 2023 pada 25 Oktober 2023 dan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 November 2023 telah bersetuju secara dasar dengan cadangan hasrat Kementerian untuk memperluas skop Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dengan turut mengetengahkan komoditi bernilai tinggi seperti kelapa dan durian.

Cadangan ini merupakan strategi bagi meningkatkan produktiviti komoditi bernilai tinggi, membantu mengurangkan defisit perdagangan, memperkuuh aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi variasi benih, meningkatkan prestasi eksport produk hiliran berdasarkan pertanian dan merancakkan aktiviti pengeluaran makanan secara domestik.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN**

**: LISAN**

**DARIPADA**

**: YB DATUK NORAINI BINTI IDRIS**

**TARIKH**

**: 12 DISEMBER 2023**

**DATUK NORAINI BINTI IDRIS** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kaedah pelaksanaan subsidi pengangkutan udara yang dikhaskan untuk rakyat luar bandar dan pedalaman Sabah bermula tahun hadapan dan sejauh manakah pewujudan subsidi tersebut berupaya memanfaatkan rakyat daripada pelbagai segmen yang menggunakan perkhidmatan penerbangan khususnya pelajar sekolah, mahasiswa dan pekerja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, MASwings menyediakan perkhidmatan udara luar bandar (RAS) kepada penduduk pendalaman Sabah dan Sarawak bagi 40 laluan yang meliputi 13 laluan yang menggunakan 8 buah pesawat jenis ATR 72-500 dan 27 laluan menggunakan 6 buah pesawat jenis Twin Otter Viking DHC6-400.
2. Penyaluran subsidi kepada pihak MASwings yang dilaksanakan pada setiap tahun adalah tidak mengikut laluan atau negeri. Kerajaan akan membuat penyaluran bayaran subsidi yang dianggarkan sebanyak RM209 juta setiap tahun kepada MASwings melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) bagi menampung kos bayaran sewa pajakan pesawat, kerugian operasi RAS sebenar dan insentif diberikan dalam bentuk pembayaran yuran pengurusan (*management fee*) tertakluk kepada prestasi operasi dan kewangan.
3. Sekiranya MASwings tidak berjaya mencapai prestasi operasi dan kewangan yang telah ditetapkan, MASwings akan dikenakan penalti yang perlu dibayar kepada Kerajaan sebagai pampasan untuk perkhidmatan yang tidak memuaskan dan tidak mencapai sasaran tersebut.
4. Pada umumnya, kadar tambang yang dikenakan oleh syarikat MASwings untuk perkhidmatan RAS ke kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak adalah berdasarkan siling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 Julai 2011. Harga siling yang ditetapkan ini adalah tidak termasuk dengan bayaran lain seperti cukai, yuran dan caj iaitu surc妖 ATR/Twin

Otter (RM50.00/RM20.00) dan *Passenger Service Charge (PSC)* untuk STOLport (RM11.00). Sehingga kini, tiada sebarang kenaikan harga siling yang telah diluluskan oleh Kerajaan sejak 2011.

5. Pihak operator iaitu MASwings yang melaksanakan perkhidmatan RAS tidak boleh dan tidak akan menaikkan tambang dengan sewenang-wenangnya kerana ianya adalah tertakluk kepada harga siling yang telah ditetapkan oleh Kerajaan. Dalam hal ini, pemberian subsidi oleh Kerajaan kepada MASwings adalah bertujuan untuk mengimbangi kerugian yang ditanggung oleh syarikat terbabit dalam penyediaan perkhidmatan udara berkenaan.
6. Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan penerbangan RAS telah memanfaatkan sejumlah 2,407,954 orang penumpang bagi tempoh 2019 – 2022 iaitu di bawah Perjanjian *Public Service Obligation (PSO)* for RAS yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2024. Dalam hal ini, RAS telah memanfaatkan sejumlah 1,066,512 orang penumpang yang menggunakan laluan Sabah.
7. Prihatin dengan kemaslahatan hidup rakyat Malaysia khususnya golongan mahasiswa, Kerajaan telah melaksanakan inisiatif bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan atau FLYsiswa untuk pelajar Universiti Awam bagi laluan domestik di antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Inisiatif ini telah dilaksanakan mulai 15 Ogos 2023 melalui kaedah pemberian *credit shell* di mana syarikat penerbangan akan mengeluarkan baucar digital bernilai RM300 kepada setiap pelajar yang layak untuk ditebus bagi maksud pembelian tiket penerbangan bagi laluan-laluan domestik antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

**NO SOALAN: 13**

8. Pelaksanaan inisiatif ini turut diperluaskan kepada pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi serta pelajar Matrikulasi dan Institut Pendidikan Guru (IPG) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia mulai 6 Oktober 2023. Sehingga 5 Disember 2023, daripada keseluruhan 50,069 pelajar yang layak, sebanyak 35,994 pelajar (72%) telah mengemukakan permohonan baucar digital melalui syarikat-syarikat penerbangan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN**

**: LISAN**

**DARIPADA**

**: YB DATUK JOHN AMBROSE**

**TARIKH**

**: 12 DISEMBER 2023**

**DATUK JOHN AMBROSE** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan langkah segera dan strategi yang berkesan dalam membantu mangsa yang ditimpa musibah ribut taufan dan angin kuat yang merosakkan rumah kediaman agar rumah kediaman mereka dibaik pulih dalam tempoh yang singkat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) sentiasa komited untuk memastikan kesejahteraan masyarakat di desa dan luar bandar sentiasa ditingkatkan termasuklah bagi memastikan golongan sasar dapat menikmati kediaman yang selamat dan selesa.

Kementerian juga turut responsif terhadap mangsa bencana yang memerlukan bantuan segera khususnya daripada kumpulan sasar miskin tegar dan miskin. Dalam hal ini, Kementerian akan mengadakan penyelarasan dengan agensi Kerajaan yang lain seperti Unit Penyelarasam Pelaksanaan (ICU, JPM), NADMA dan Pejabat Daerah / Pusat Kawalan Operasi Bencana Daerah (PKOB) bagi sebarang bantuan kepada mangsa bencana khususnya berkaitan pembinaan dan pembalikan rumah. Pejabat KKD Negeri dan agensi-agensi di bawah Kementerian turut digerakkan ke lapangan untuk membuat penilaian awal impak bencana.

Namun begitu, Kementerian tiada peruntukan khusus untuk menangani bencana besar. Sumber peruntukan untuk bantuan bencana masih lagi menggunakan peruntukan pembangunan sedia ada dalam tahun semasa. Oleh yang demikian, bantuan hanya dapat diberikan kepada mangsa bencana yang berskala kecil sahaja dan penerima bantuan masih tertakluk kepada syarat kelayakan yang ditetapkan. Kementerian juga akan memastikan keutamaan bantuan diberikan kepada mangsa yang terkesan dan memantau proses pembalikan atau pembinaan secara berterusan sehingga selesai.

**NO SOALAN: 14**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PUAN SUSAN CHEMERAJ ANDING**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**PUAN SUSAN CHEMERAJ ANDING** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah rangka kerja kawal selia (*regulatory framework*) yang diguna pakai oleh negara dalam usaha ke arah pelepasan sifar bersih (*net-zero emissions*) dan adakah ia mencukupi untuk mencapai maksud tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Buat masa ini kerajaan belum lagi mempunyai rangka kerja kawal selia (*regulatory framework*) ke arah pelepasan sifar bersih. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) sedang dalam fasa awal menggubal Rang Undang-Undang Perubahan Iklim Negara (RUUPIN). Ianya akan digubal berpandukan ketetapan dasar yang jelas supaya RUU ini boleh dilaksanakan segera sejurus selepas diluluskan oleh Parlimen kelak.
  
2. Selain itu, Kementerian juga sedang membangunkan dokumen Pelan Hala Tuju dan Tindakan *Nationally Determined Contributions* (NDC Roadmap) dan Strategi Jangka Masa Panjang Pembangunan Rendah Karbon (*Long Term - Low Emission Development Strategies* - LT-LEDS) sebagai panduan kepada negara untuk mencapai sasaran pengurangan pelepasan GHG. Dokumen LT-LEDS akan memberi gambaran mengenai pelepasan karbon bagi setiap sektor melalui perancangan senario ke arah mencapai sifar karbon bersih seawal-awalnya pada 2050. Manakala dokumen NDC *Roadmap* pula akan menetapkan kerangka pemantauan dalam menjelaki impak ke atas inisiatif pengurangan karbon bagi mencapai sasaran NDC 2030.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sejauh manakah kebergantungan ekonomi terhadap penggajian tenaga kerja asing yang telah memberikan kesan terhadap peningkatan jumlah rakyat Malaysia yang tergolong dalam kumpulan berpendapatan di bawah paras garis kemiskinan Malaysia yang meningkat kepada RM2,589 yang memberi kesan kepada 6.4 juta (39%) rakyat di Malaysia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia sehingga **31 Oktober 2023**, jumlah pekerja asing yang berdaftar dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara adalah **1,928,743 orang**. Walaupun begitu, berdasarkan kepada unjuran jumlah keseluruhan pekerja asing di dalam negara, bilangan pekerja asing telah melepassi sasaran yang ditetapkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 iaitu 15 peratus daripada unjuran tenaga kerja pada tahun 2025.
  
2. Namun begitu, Kerajaan masih melihat kepada keperluan tenaga kerja asing untuk sektor-sektor kritikal. Ini ditangani melalui satu pendekatan menggunakan kuota bagi sektor atau sub sektor yang masih belum membawa masuk pekerja asing akan diberikan kepada sektor atau subsektor yang lebih memerlukan. Sehubungan itu, tiada kelulusan kuota baharu dan penggajian pekerja asing tetap berlandaskan kepada keperluan sebenar majikan. Penggunaan buruh asing adalah bagi memenuhi keperluan tenaga kerja bagi sektor-sektor tertentu yang sukar diisi oleh tenaga buruh tempatan. Berikutan itu, Kerajaan giat merangka dan melaksanakan **pelbagai inisiatif merentasi kementerian dan agensi** bagi menggalakkan tenaga kerja tempatan menceburi pekerjaan dalam sektor yang didominasi pekerja asing.

3. Kementerian Sumber Manusia menggalakkan industri supaya beralih kepada **penggunaan automasi, mekanisasi dan pendigitalan** yang dapat mewujudkan permintaan terhadap pekerja berkemahiran tinggi dan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah akan turut dikurangkan secara berperingkat.
4. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung telah mengenalpasti Mekanisme Levi Pelbagai Peringkat *Multi-Tier Levy Mechanism (MTLM)* adalah salah satu strategi untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing serta menggalakkan lebih ramai rakyat tempatan dalam pasaran buruh. Sehubungan itu, kerajaan telah menetapkan untuk melaksanakan MTLM sebelum akhir tahun 2024 seperti mana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri dalam pembentangan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023.

**Tuan Yang Di Pertua,**

5. Seterusnya, Kementerian ini menerusi Majlis TVET Negara telah memeterai Memorandum Kerjasama dengan pihak industri bagi membuka ruang menjalin kerjasama dalam usaha meningkatkan kualiti pelaksanaan program TVET negara seterusnya mewujudkan pekerja berkemahiran. Ini selaras dengan sasaran di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 untuk mencapai 35 peratus tenaga mahir membabitkan anak-anak tempatan menjelang 2030. Setakat **November 2023**, sebanyak **63 Memorandum Kerjasama** telah dimeterai yang terdiri daripada **19 Syarikat Berkaitan Kerajaan dan 44 syarikat swasta**.

6. Selain itu, Kementerian Sumber Manusia menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad sentiasa menggalakkan pekerja untuk terus meningkatkan kemahiran dan latihan semula melalui latihan kemahiran. Justeru itu, Pembangunan Sumber Manusia Berhad telah menyediakan pembiayaan latihan melalui caruman levi majikan untuk melatih semula pekerja-pekerja. Setakat **15 November 2023**, sebanyak **9,086 pelajar** telah dilatih melalui **Skim Latihan Industri** dengan izin, *Industrial Training Scheme* dengan peruntukan sebanyak **RM16.62 juta**.
7. Bagi tahun 2024, menerusi pembentangan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober 2023 **Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan** telah mengumumkan bahawa **program-program Latihan Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran** akan diteruskan dengan anggaran peruntukan sebanyak **RM1.6 bilion** untuk menyediakan **1.7 juta tawaran latihan**. Rentetan itu, Pembangunan Sumber Manusia Berhad akan **menguntukkan semula dana khas menggunakan 15 peratus daripada jumlah kutipan levi bagi melaksanakan Program Latihan MADANI kepada usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta golongan rentan seperti bekas banduan, OKU, warga emas dan pesara.**
8. Kerajaan sedar bahawa kadar upah yang setimpal boleh menarik minat warga tempatan untuk memasuki pekerjaan dalam industri tertentu. Sehubungan itu, Kerajaan turut melaksanakan usaha untuk memastikan kadar pembayaran yang lebih sesuai dan setimpal untuk semua pekerja melalui pelaksanaan **gaji minimum RM1,500** di bawah Perintah Gaji Minimum 2022 serta Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti dengan izin *Productivity Linked Wage System*.

## NO SOALAN: 16

9. Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO sentiasa berusaha bagi memastikan lebih banyak sektor swasta mengambil pekerja tempatan agar isu kebergantungan terhadap pekerja asing dapat dikurangkan dengan melancarkan **Kempen Ambil Pekerja Lokal**. Kempen ini bukan sahaja untuk mengambil pekerja tempatan malahan ianya sebagai lambang sokongan terhadap **Projek Riben Kuning** yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bertujuan memberi peluang kedua kepada golongan mudah terjejas seperti bekas banduan yang terdiri daripada belia dan bekas pelajar juvana agar boleh kembali ke pangkuhan masyarakat dengan kehidupan yang lebih baik setelah selesai menjalani hukuman sekaligus mengurangkan isu kebergantungan terhadap pekerja asing.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SERI HAJAH ZURAINAH**  
**BINTI MUSA**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATUK SERI HAJAH ZURAINAH BINTI MUSA** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pematuhan kepada kesemua perintah pemberian nafkah anak (child maintenance) yang telah ditentukan oleh Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan pada 5 tahun yang lepas. Apakah usaha pihak Kerajaan dalam memastikan pematuhan pemberian nafkah yang telah diarahkan oleh Mahkamah Syariah.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM  
BIN HAJI MOKHTAR  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat mengambil serius akan pematuhan pihak-pihak kepada perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah. Dalam memastikan pematuhan pemberian nafkah yang telah diarahkan oleh Mahkamah Syariah ini, Kerajaan telah menubuhkan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) pada 22 Oktober 2008.

Tujuan utama BSK ditubuhkan adalah untuk menguruskan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah dengan cekap dan berkesan. Selain itu, BSK juga diberikan tanggungjawab untuk menyalurkan bantuan wang pendahuluan nafkah kepada pemohon yang layak bagi meringankan beban, sementara menunggu kes selesai sepenuhnya.

Pihak-pihak yang mendapat perintah nafkah boleh mengemukakan aduan kepada BSK sekiranya perintah nafkah berkenaan tidak dipatuhi oleh pihak Defendan (bekas suami/bapa). Berikut adalah statistik yang dijana daripada sistem E-Syariah JKSM berkaitan kes-kes penguatkuasaan perintah nafkah yang dikendalikan oleh BSK di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan bagi tempoh 2018-2022:

BIL	TAHUN	PENYELESAIAN KES TUNTUTAN NAFKAH ANAK	BILANGAN KES PENGUATKUASAAN DIDAFTAR TAHUN SEMASA	BILANGAN KES PENGUATKUASAAN SELESAI TAHUN SEMASA
1	<b>2018</b>	421	82	80
2	<b>2019</b>	349	74	74
3	<b>2020</b>	205	27	30
4	<b>2021</b>	207	25	50
5	<b>2022</b>	307	79	64
<b>JUMLAH</b>		<b>1,489</b>	<b>287</b>	<b>298</b>

Antara tindakan penguatkuasaan yang akan dilaksanakan oleh BSK apabila menerima aduan daripada mana-mana pengadu adalah seperti berikut:

- i. Saman Penghutang Penghakiman;
- ii. Sita dan serah;
- iii. Sita dan jual;
- iv. Hiwalah; dan
- v. Pengkomitan.

Selain tindakan pengatkuasaan perintah di mahkamah, antara bantuan-bantuan lain yang disediakan oleh BSK adalah seperti berikut:

- i. Pendahuluan nafkah selama 6 bulan bagi yg layak sementara menanti kes penguatkuasaan perintah selesai; dan
- ii. Bantuan guaman syarie secara percuma (kecuali WP, Selangor dan Johor di mana Jabatan Bantuan Guaman akan mewakili bekas isteri);

## **NO SOALAN: 17**

- iii. Khidmat nasihat perundangan Syariah kepada pihak-pihak terlibat secara khusus berkaitan tuntutan nafkah serta tatacara penguatkuasaan dan pelaksanaan penghakiman atau perintah selepas suatu penghakiman atau perintah dibuat oleh Mahkamah Syariah.

JKSM melalui BSK yang melaksanakan fungsi penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah ke atas bekas suami/ bapa yang culas dalam pembayaran nafkah dan mut'ah sentiasa mencari kaedah terbaik dalam membantu para ibu dan anak-anak yang dinafikan hak mereka. Antara usaha atau mekanisme yang cuba diterokai sejak tahun 2019 adalah melalui sekatan akaun bank ke atas bekas suami yang culas memberikan nafkah.

Pindaan kepada Jadual 11 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 telah diluluskan dan diwartakan pada 10 Februari 2021. Pindaan berkenaan telah memasukkan pematuhan dan penzahiran maklumat di bawah hiwalah, iaitu pemindahan hutang daripada Penghutang Penghakiman kepada pihak ketiga, iaitu instusi kewangan kepada Pemiutang Penghakiman. Selain itu, penzahiran maklumat pemilik akaun di insitusi kewangan melalui perintah mahkamah, tidak kurang daripada Mahkamah Sesyen turut diperluaskan kepada perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah.

**NO SOALAN: 17**

Hasil daripada pindaan tersebut, perintah hiwalah yang dikeluarkan oleh mahkamah Syariah dimana-mana peringkat boleh dilaksanakan oleh institusi kewangan berdasarkan kepada peruntukan undang-undang berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SERI PROF. EMERITUS DR.**  
**AWANG BIN SARIYAN**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATUK SERI PROF. EMERITUS DR. AWANG BIN SARIYAN** minta  
**MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan:

- (a) faktor kurang keberkesanan pelaksanaan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang dimulakan pada tahun 2011; dan
- (b) strategi yang dirancang untuk memastikan pelaksanaan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPT Awam (IPTA) 2023-2030 berkesan.

**JAWAPAN**

(a)

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa menjadikan usaha memartabat Bahasa Melayu sebagai sebahagian daripada agenda penting pendidikan tinggi negara.
2. Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPT 2011 - 2015 (**Pelan Tindakan 2011 – 2015**) diperkenal buat pertama kalinya pada tahun 2011. Seterusnya, KPT meneruskan usaha memartabat Bahasa Melayu dengan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Universiti Awam 2016 – 2020 (**Pelan Tindakan 2016 – 2020**).
3. Keberkesanan kedua-dua pelan tindakan ini telah dikaji. Rumusan dan dapatan laporan **Pelan Tindakan 2011 – 2015** hasil Laporan Audit Bahasa Melayu di IPTA 2014 menunjukkan terdapat sebanyak tujuh (7) inisiatif yang tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.
4. Dapatan ini menjadi asas rasional kepada pembangunan dan pelaksanaan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Universiti Awam (UA) 2016 – 2020.

## NO SOALAN: 18

5. Bagi **Pelan Tindakan 2016 – 2020** pula, penetapan objektif dalam pelan ini dilihat kurang mengambil kira senario semasa Universiti Awam pada ketika itu seterusnya memberi impak kepada pencapaian sasaran yang ditetapkan.
6. Selain itu, hasil laporan turut mencadangkan beberapa penambahbaikan termasuk pemantauan yang perlu dijalankan secara berterusan dan keperluan untuk menambah baik kerangka dan instrumen pelaporan pelan tindakan.
7. Hasil maklum balas daripada kedua-dua laporan tersebut telah menjadi batu asas bagi pembangunan dan perancangan pelaksanaan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di IPTA 2023-2030 (**PTMBM 2023 – 2030**) yang telah ditambahbaik dan dilihat mampu untuk dilaksanakan dengan lebih berkesan.

(b)

Tuan Yang di-Pertua,

8. Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu di Institusi Pendidikan Tinggi Awam 2023 – 2030 (**PTMBM 2023 - 2030**) telah dilancarkan oleh YB Menteri Pendidikan Tinggi pada 15 Jun 2023 yang lalu.

## NO SOALAN: 18

9. PTMBM 2023 – 2030 ini merupakan kesinambungan dari dua (2) pelan tindakan sebelumnya. Ketiga-tiga pelan tindakan ini menunjukkan komitmen berterusan dan keseriusan KPT dalam memperkasa Bahasa Melayu di peringkat pendidikan tinggi.
10. PTMBM 2023 – 2030 ini digunakan bagi melaksana beberapa strategi utama kementerian dalam memartabat Bahasa Melayu. Antaranya, KPT menjalankan proses pemantauan inisiatif strategi melalui laporan tahunan yang perlu dihantar kepada KPT oleh semua institusi yang terlibat.
11. Memandangkan PTMBM 2023 – 2030 ini telah mula dipantau oleh KPT sejak tahun pertama pelaksanaannya, sebarang isu dan permasalahan yang timbul, sekiranya ada, akan dapat segera diselesaikan melalui intervensi awal.
12. Bagi tujuan ini, KPT juga telah melaksanakan pelbagai inisiatif penambahbaikan iaitu:
  - i. menambahbaik instrumen pelaporan tahunan,
  - ii. melantik dua (2) Pegawai Fokal di universiti awam/ politeknik / kolej komuniti dan memberikan mereka peranan yang lebih luas selain memastikan para pegawai fokal memahami kaedah pengumpulan data berdasarkan jangka masa yang telah ditetapkan,

**NO SOALAN: 18**

- iii. menubuhkan Unit Pemerkasaan Bahasa Melayu di KPT dan Jawatankuasa di peringkat Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK),
- iv. menganjurkan Bengkel Pelaporan PTMBM 2023 – 2030 secara tahunan, dan
- v. memperkemas proses penerangan mengenai pengisian dan pengumpulan data menggunakan instrumen pelaporan yang telah disediakan oleh KPT.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN**  
**YUSOFF**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah bagi memastikan penempatan guru dilaksanakan secara telus di seluruh negara supaya semua guru tidak kira latar belakang ditempatkan di mana sahaja secara bergilir agar tidak hanya sesetengah guru sahaja yang merasai kesusahan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap perkara berkenaan pengisian guru di sekolah rendah dan menengah seluruh negara bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat dilaksanakan dengan berkesan melalui penempatan guru baharu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM melaksanakan penempatan guru baharu berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen di setiap negeri. Satu jawatankuasa penempatan guru baharu di peringkat KPM telah dibentuk pada setiap kali sesi penempatan guru baharu. Urusan penempatan guru baharu juga dilaksanakan dengan mengambil kira peratus kekosongan jawatan setiap negeri agar agihan yang dibuat adalah seimbang berdasarkan kekosongan sebenar jawatan di negeri tersebut.

KPM sentiasa prihatin dan mengambil berat berkaitan urusan kebijakan guru baharu dan akan mempertimbangkan perkara-perkara lain yang berkaitan seperti status perkahwinan serta perkara yang berkaitan status OKU, bagi memastikan proses agihan guru baharu ke seluruh negara dapat dilaksanakan dengan adil, telus dan saksama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI MUSTAFA BIN MUSA**

**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATUK HAJI MUSTAFA BIN MUSA** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status penjajaran semula industri operasi Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) Batu Berendam dan bagaimana Kerajaan Persekutuan membantu Kerajaan Negeri Melaka mengaktifkan pintu masuk antarabangsa di Melaka menjelang Tahun Melawat Melaka 2024.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat penerbangan negara atau asing untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan antarabangsa dan domestik ke Melaka dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:
  - (i) rundingan dua hala dengan negara-negara asing pada setiap tahun bagi mewujudkan/ meningkatkan hak-hak trafik penerbangan di antara Malaysia dan negara-negara tersebut;
  - (ii) memasukkan Melaka sebagai salah satu bandar untuk diliberalisasikan di bawah perjanjian *ASEAN Multilateral Agreement on the Full Liberalisation of Passenger Services and Protocol to amend the Memorandum of Understanding Between the Governments of Indonesia, Malaysia and Thailand on Expansion of Air Linkages*. Melalui perjanjian yang telah ditandatangani dan diratifikasi oleh Malaysia ini, syarikat-syarikat penerbangan negara-negara ASEAN dibenarkan untuk mengadakan penerbangan di antara mana-mana destinasi ASEAN, tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat; dan

## NO SOALAN: 20

- (iii) menawarkan pelbagai insentif kepada syarikat-syarikat penerbangan daripada luar negara dan domestik yang beroperasi ke mana-mana lapangan terbang negara termasuk ke Melaka oleh Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) menerusi *Airlines Incentives Programme*.
2. Pihak Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) melalui *Airlines Incentives Programme* ada menyediakan beberapa insentif termasuk rebat pendaratan dan ruang pejabat serta sokongan dari segi pemasaran (*marketing support*). Pada masa yang sama, pihak MAHB sentiasa bekerjasama dengan pihak berkepentingan industri seperti Tourism Malaysia dan badan pelancongan negeri dalam usaha menarik syarikat penerbangan untuk mengadakan penerbangan terus dari destinasi masing-masing.
3. Selain daripada langkah-langkah yang telah dilaksanakan seperti di atas, Kerajaan negeri juga boleh memainkan peranan untuk meningkatkan daya tarikan dan promosi produk-produk pelancongan dalam negara sebagai satu usaha berterusan bagi menggalakkan lagi perkhidmatan penerbangan dari pelbagai laluan ke Melaka.
4. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, bagi maksud rancangan untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa atau domestik ke bandar-bandar utama di Malaysia khususnya di Melaka, perkara ini merupakan perancangan yang ditentukan sendiri oleh syarikat-syarikat penerbangan Malaysia dan asing berdasarkan kepada daya maju komersial (*commercial viability*) laluan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN**

**: LISAN**

**DARIPADA**

**: YB PUAN NOORITA BINTI SUAL**

**TARIKH**

**: 12 DISEMBER 2023**

**PUAN NOORITA BINTI SUAL** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah-langkah proaktif dan pelan jangka panjang yang diambil oleh Kerajaan Persekutuan dalam membantu menyelesaikan isu air bersih dan terawat di negeri Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini sebanyak 8 projek pinjaman dengan keseluruhan kos sebanyak RM1.916 bilion sedang dilaksanakan seperti berikut:
  - i. Penambahan Kapasiti Loji Rawatan Air Telibong II dari 80JLH Ke 160JLH Termasuk Saluran Paip Utama dan Tangki Simpanan (RM429.4 juta);
  - ii. Skim Bekalan Air Tawau Fasa III - Rekabentuk dan Pembinaan Empangan Air (RM470.39 juta);
  - iii. Sistem Bekalan Air di Lahad Datu - Fasa I (RM270 juta);
  - iv. Penambahan Kapasiti Loji Rawatan Air Kogopon Dari 40JLH Ke 80JLH Termasuk Saluran Paip Utama dan Tangki Simpanan (RM312.22 juta);
  - v. Menaiktaraf Sistem Saluran Agihan Utama Termasuk Pembinaan 3 Buah Tangki Simpanan Utama, Sandakan (RM100 juta); dan
  - vi. Pembinaan Loji Rawatan Air Cinta Mata 2, Tawau, Sabah (RM335 juta).

2. Selain itu, sebanyak RM192.9 juta diperuntukkan di bawah RP3 RMKe-12 secara geran bagi 2 projek seperti berikut:

- i. Program Kadar Air Tidak Terhasil (*Non-Revenue Water – NRW*) Nasional Pendekatan 1 (RM188.2 juta); dan
- ii. Naiktaraf Dan Pembaikan Empangan Berisiko Tinggi Di Negeri Sabah (RM4.7 juta).

3. Di bawah RP4 RMKe-12 pula, sebanyak empat (4) projek baharu dengan peruntukan berjumlah RM200 juta telah diluluskan di bawah *Rolling Plan Keempat Rancangan Malaysia Keduabelas* (RP4, RMKe-12) bagi menangani isu bekalan air Negeri Sabah seperti berikut:

- i. Projek Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Terhasil – Penggantian/Naiktaraf Paip di Kawasan Kota Kinabalu dengan kos RM100 juta;
- ii. Penggantian Pam Penggalak/ Pembinaan Rumah Pam Penggalak / Penggantian Pam Air bagi Muka Sauk dan Loji Rawatan Air di Daerah Kota Kinabalu dan di Kota Raya Telipok dengan kos RM62 juta;
- iii. Projek Peningkatan Kapasiti Bagi Muka Sauk dan Loji Rawatan Air Sabah dengan kos RM35 juta; dan
- iv. Penggantian Alat Janakuasa di Loji Rawatan Air Merotai, Tawau dan Beaufort 1 dengan kos RM3 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ABUN SUI ANYIT**

**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**TUAN ABUN SUI ANYIT** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan maklumat terkini tentang keperluan membina balai bomba di Sarawak dan adakah balai bomba di Sungai Asap telah dimasukkan dalam Belanjawan 2024.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sentiasa berusaha untuk memastikan khidmat kebombaan terus diperkasa dan diperluas kepada seluruh masyarakat terutamanya melibatkan kawasan-kawasan di luar capaian *response time*.

Pada masa kini, pembinaan sesebuah Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) adalah ditentukan berdasarkan kepada tahap risiko kebakaran dan kecemasan di sesuatu kawasan yang dikaji melalui *Fire Cover Norm* (norma perlindungan keselamatan kebakaran) menggunakan aplikasi TM SmartMap yang melibatkan 16 kriteria dalam setiap grid berkeluasan 25 kilometer persegi (5km x 5km) iaitu:

- i. populasi;
- ii. industri ringan;
- iii. industri sederhana;
- iv. industri berat;
- v. pembangunan campuran;
- vi. pejabat korporat;
- vii. pejabat retail;
- viii. kediaman aras tinggi;
- ix. kediaman atas tanah;
- x. pendidikan;
- xi. kewangan;

- xii. *Fast-Moving Consumer Goods (FMCG);*
- xiii. institut kerajaan dan awam;
- xiv. perubatan;
- xv. jalan perhubungan; dan
- xvi. *travel & leisure.*

*Fire Cover Norm TM SmartMap 1.0 ini juga telah dinaik taraf dan dijenamakan sebagai *Fire Cover Mapping System (FICOMS)* yang dibangunkan bersama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Sebagai projek uji rentas, perisian pada masa kini, digunakan di Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Kuching dan Kuantan. Empat (4) kriteria tambahan dinilai iaitu:*

- i. statistik panggilan kecemasan;
- ii. penetapan masa respons (*response time*) ditetapkan;
- iii. aliran trafik semasa (*live traffic flow*); dan
- iv. bahaya khas.

Pada tahun ini sahaja, JBPM telah mengangkat sebanyak tujuh (7) permohonan kepada agensi pusat melibatkan perolehan tapak dan pembinaan BBP baharu serta kuarters di negeri Sarawak dalam *Rolling Plan Keempat (RP4)* tahun 2024, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Kementerian ini telah diluluskan projek melibatkan kawasan Sungai Asap, Daro dan Tatau pada tahun 2024.

**NO SOALAN: 22**

BBP dan Kuarters Sungai Asap ini dijangka melalui proses perolehan pada tahun 2024 dan mula dibina pada tahun 2025 serta dijangka siap pada tahun 2026 yang mana ianya akan dapat mempertingkatkan capaian perkhidmatan kebombaan di kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN  
SAMY VELLU**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATO' SRI VELL PAARI A/L TUN SAMY VELLU** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengurangkan pembayaran emolumen memandangkan pembayaran emolumen adalah 24.3% dari keseluruhan Belanjawan 2024.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, peruntukan emolumen di dalam bajet tahunan adalah termasuk anggota pentadbiran dan pengurusan selaras dengan Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan. Peruntukan emolumen penjawat awam pula adalah berkait langsung dengan jumlah perjawatan di dalam sektor awam yang merangkumi angkatan tentera, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, pasukan polis, perkhidmatan negeri dan perkhidmatan pendidikan serta kesihatan.
2. Dalam merancang perbelanjaan emolumen penjawat awam, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah ke arah mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan antaranya pengoptimuman penggunaan sumber manusia dalam perkhidmatan awam. Langkah ini bertujuan meningkatkan kecekapan dan mengelakkan pembaziran sumber melalui pelbagai langkah seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Dasar ini dilaksanakan melalui pelbagai kaedah, antaranya melalui penswastaan, pendigitalan dan penyampaian perkhidmatan alternatif (*Alternative Service Delivery*).
3. Selain itu, Kerajaan akan meneruskan kajian pertindihan fungsi antara kementerian/jabatan/agensi dan pengisian jawatan secara berhemah mengikut keperluan bagi mencapai saiz perkhidmatan yang bersesuaian (*rightsizing*). Dalam usaha untuk mengoptimumkan sumber (sumber manusia dan kewangan), penggunaan teknologi terkini akan dipertingkatkan bagi menyokong

fungsi serta operasi perkhidmatan awam agar lebih produktif dan efektif.

4. Bagi merealisasikan usaha pengoptimuman penggunaan sumber manusia dalam perkhidmatan awam, sebarang pewujudan perjawatan baharu adalah tidak dibenarkan kecuali dengan menggunakan kaedah tukar ganti (*trade-off*) atau pindah butiran (*redeployment*) dan tidak melibatkan pertambahan implikasi kewangan.
5. Selain itu, Kerajaan kini sedang melaksanakan kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) bagi menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang telah mula diguna pakai sejak 1 November 2002. Kajian ini turut mengambil kira pembentukan budaya berprestasi tinggi serta menarik dan mengekal bakat terbaik dalam sektor awam. Usaha ini adalah berpaksikan kepada produktiviti dan penggunaan sumber manusia secara cekap dan optimum.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN RODERICK WONG SIEW LEAD**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**TUAN RODERICK WONG SIEW LEAD** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan bagi memajukan Sukan Elektronik (E-Sport) dan sama ada sukan ini akan dianjurkan melalui sekolah seperti sukan yang lain.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada tahun 2019, Kementerian Belia dan Sukan telah membangunkan Pelan Strategik Pembangunan Sukan Elektronik 2020-2025 yang menggariskan 24 objektif strategik. Manakala sebagai sokongan kepada pelan berkenaan, kementerian ini pada tahun Jun 2023 turut telah melancarkan Garis Panduan Pembangunan Sukan Elektronik Kebangsaan (NESDEG) dengan enam teras utamanya iaitu:

Teras 1 : Pengurusan Kontrak kepada Pemain

Teras 2 : Tadbir Urus dalam Pengajuran Acara

Teras 3 : Pemantauan dan Perlindungan Kepada Kanak-kanak

Teras 4 : Kod Tatakelakuan dan Etika

Teras 5 : Laluan Kerjaya

Teras 6 : Aplikasi Sains dan Perubatan Sukan dalam Sukan Elektronik

KBS telah membangunkan Esports Integrated Hub (ESI Hub) di Puchong, Selangor yang berfungsi untuk menyokong pertumbuhan ekosistem e-sukan di Malaysia melalui penyediaan ruang kejohanan dan acara, pusat latihan untuk pemain profesional dan amatur serta sebagai sebuah hab jaringan untuk pihak berkepentingan industri.

KBS telah membangun dan menaik taraf 13 Esports Studio yang memberi manfaat kepada 13 persatuan e-sukan negeri di seluruh negara. Penyediaan infrastruktur khusus di setiap negeri ini mampu membantu

meningkatkan perkembangan e-sukan negara melalui penganjuran kejohanan e-sukan di peringkat tempatan dan sebagai studio produksi untuk penganjuran kejohanan dalam talian. Esports studio di negeri-negeri ini juga menjadi pusat latihan bagi atlet e-sukan negeri yang menyertai temasya Sukan Malaysia (SUKMA) yang lalu.

Di samping itu, bagi memastikan persiapan atlet e-sukan negara untuk bertanding di kejohanan antarabangsa berjalan lancar, KBS telah membangunkan sebuah pusat latihan kebangsaan di Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan infrastruktur e-sukan ini turut mendorong penganjuran Malaysia Esports League (MEL) yang merupakan kejohanan e-sukan utama anjuran KBS melalui kerjasama persatuan e-sukan di peringkat negeri. Kejohanan yang dilaksanakan menerusi hab dan studio esports tersebut menjadi platform kompetitif untuk menyerlahkan bakat-bakat baharu atlet e-sukan tempatan untuk dapat bersaing di pelbagai kejohanan utama peringkat antarabangsa. MEL adalah kejohanan tahunan dan telah berlangsung daripada 2021 sehingga edisi terkini pada tahun ini.

Dalam usaha meletakkan Malaysia sebagai hub utama esports di peringkat serantau, pihak KBS akan mempertingkatkan lagi kerjasama dengan pemegang taruh industri termasuk pengajur acara dan penerbit permainan dalam membawa kejohanan antarabangsa ke Malaysia.

Pada masa ini terdapat pelbagai kategori permainan e-sukan dalam pasaran dan setiap judul permainan mempunyai had umur minimum yang bersesuaian untuk dimainkan. Justeru itu, sebelum satu program khusus

dijalankan bersama kelompok pelajar sekolah, pemahaman yang jelas berkenaan e-sukan adalah sangat penting untuk diberikan kepada pemegang taruh yang berkenaan seperti pendidik dan ibu bapa. Pengwujudan Garis Panduan Pembangunan Sukan Elektronik Kebangsaan (NESDEG) oleh Kementerian diharapkan dapat membuka jalan agar stigma atau tanggapan negatif terhadap e-sukan dapat ditangani. Antara Teras NESDEG yang relevan adalah teras Pemantauan dan Perlindungan Kepada Kanak-Kanak, Kod Tatakelakuan dan Etika, serta Panduan Laluan Kerjaya. Keperluan persekitaran e-sukan yang selamat adalah turut selari dengan Kod Sukan Selamat yang dilancarkan KBS pada tahun ini.

Pihak Kementerian menerusi Esports Integrated (ESI) sedang dalam sesi libat urus bersama Kementerian Pendidikan Malaysia bagi meneroka potensi menyertakan e-sukan dalam rangka kerja ko-kurikulum sekolah. Kempen advokasi di sekolah dan cadangan penubuhan kelab e-sukan di sekolah dijangka mampu untuk menggerakkan pembudayaan '*ethical gaming*' (permainan beretika) dalam kalangan pelajar.

Di samping itu, cadangan penganjuran pertandingan atau sirkit e-sukan di peringkat sekolah menerusi Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) dengan pemilihan judul permainan yang bersesuaian mampu mewujudkan persekitaran kompetitif, meningkatkan daya pemikiran secara kritis dan kreatif pelajar serta menyerlahkan potensi sebenar pelajar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK**  
**CHEE**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha yang dilakukan bersama-sama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam menangani masalah lambakan lot kedai dan rumah kedai tidak terjual yang akhirnya menjadi lubuk kepada aktiviti jenayah dan tidak bermoral.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, sebarang pembangunan yang ingin dilaksanakan termasuk pembinaan premis perniagaan perlu mendapatkan kelulusan Pelan Pemajuan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang merangkumi permohonan Kebenaran Merancang (KM), Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan. Merujuk kepada persoalan Ahli Yang Berhormat mengenai premis perniagaan yang tidak terjual, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi isu tersebut antaranya adalah lokasi yang kurang strategik, ketidakcukupan kemudahan asas, isu pinjaman kewangan, harga jualan atau sewaan premis yang tidak munasabah, ciri-ciri fizikal premis yang kurang menarik dan isu penawaran bagi premis siap untuk dihuni. Di samping itu, reputasi syarikat pemaju juga menjadi aspek yang menarik minat pembeli kerana melalui konsep pembangunan secara jual dan bina yang diamalkan sekarang, pembeli akan tertarik kepada sesuatu tawaran premis setelah meneliti sejarah kejayaan (track record) pemaju dalam industri pembinaan bagi menilai potensi premis perniagaan yang akan dibeli atau disewa. Kegagalan jualan dan pemasaran adalah antara risiko yang perlu dihadapi oleh pemaju dalam pembangunan premis perniagaan ini.

Sehubungan itu, pemaju selaku pihak yang bertanggungjawab dalam membangunkan premis perniagaan ini perlu memainkan peranan penting untuk melaksanakan kajian kemungkinan yang mempengaruhi faktor dan risiko penjualan di peringkat awal untuk memastikan premis perniagaan yang ditawarkan mampu mendapat sambutan oleh pembeli

atau penyewa apabila ia siap didirikan.

Bagi premis perniagaan di bawah kawalan PBT, sebanyak 18,044 unit premis perniagaan yang didapati masih kosong pada tahun 2022 hingga Oktober 2023. KPKT melalui PBT telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan strategi bagi menyokong pemaju mendapatkan pembeli atau penyewa seperti berikut:

- i. menyediakan pasaran yang lebih baik dari segi kemudahan awam, landskap dan pencahayaan;
- ii. melaksanakan hebahan dan makluman kekosongan gerai melalui laman sesawang, papan kenyataan jabatan, notis pemberitahuan dan media sosial rasmi PBT;
- iii. menawarkan sewa percuma selama tempoh setahun dengan mengenakan caj perkhidmatan sahaja sepanjang tempoh tersebut;
- iv. proses permohonan penyewaan boleh dibuat secara dalam talian (*online*) atau hadir sendiri di kaunter;
- v. menawarkan sewaan kepada penjaja tidak berlesen yang memerlukan ruangan perniagaan serta memberi keutamaan kepada Orang Kurang Upaya (OKU), ibu/ bapa tunggal dan golongan belia; dan
- vi. menawarkan rebat sewa satu (1) bulan sebagai penghargaan kepada penyewa yang membayar sewaan secara konsisten pada setiap bulan.

Selain itu, PBT juga boleh mengambil tindakan terhadap aduan daripada orang awam mengenai kacau ganggu yang disebabkan oleh bangunan yang tidak berpenghuni.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana komitmen Kerajaan untuk menaik taraf dan menambah bilangan fasiliti kesihatan di Terengganu melalui peruntukan Belanjawan 2024.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, melalui Belanjawan 2024 Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM175 juta bagi menaik taraf dan menambah bilangan fasiliti kesihatan di negeri Terengganu di bawah *Rolling Plan Keempat* (RP4), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) tahun 2024. Antara projek baharu yang diluluskan adalah Pembinaan Klinik Kesihatan (Jenis 6) Dengan Kuarters di Kuala Jengal, Dungun dengan kos berjumlah RM17.5 juta.
2. Selain itu, Kerajaan juga memperuntukkan sebanyak RM85 juta bagi menyiapkan projek Hospital Kemaman dan Hospital Dungun serta serta sebanyak RM9 juta bagi menyiapkan projek Klinik Kesihatan (Jenis 3) Batu Rakit, Kuala Terengganu, Klinik Kesihatan (Jenis 3) Kampung Raja, Besut, Klinik Kesihatan (Jenis 4) Rhu Sepuloh, Setiu dan Klinik Kesihatan (Jenis 7) Paya Datu, Kuala Terengganu.
3. Manakala Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu akan diperuntukkan RM8.515 juta bagi perolehan peralatan perubatan *Biplane Angiography* dan RM1 juta bagi perolehan *Digital Radiography*.
4. Sebanyak RM8.1 juta juga disediakan bagi pelaksanaan Inisiatif Pembaikan Klinik dan Fasiliti Daif di Negeri Terengganu yang akan melibatkan 23 buah klinik daif. Selain itu, sebanyak RM315,000.00 disediakan untuk menaik taraf kemudahan hemodialisis di tiga (3) buah hospital.

**NO SOALAN: 26**

5. Sebagai tambahan, sejumlah RM3.55 juta diperuntukkan membuat pembaikan dan naik taraf lapan (8) buah fasiliti kesihatan manakala sebanyak RM1.35 juta diperuntukkan bagi menggantikan kenderaan dan peralatan untuk tiga (3) pasukan Klinik Pergigian Bergerak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATUK BOBBEY BIN SUAN** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan meluaskan kemudahan pengundi-pengundi yang berada di luar negeri untuk mengundi secara undi awal atau undi pos bagi meningkatkan peratusan keluar mengundi dalam mana-mana pilihan raya.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemudahan mengundi secara pos hanya diberikan kepada pengundi dalam kategori seperti berikut:
  - i. Ahli dan Pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR);
  - ii. Petugas pilihan raya;
  - iii. Anggota tentera dan polis yang bertugas pada Hari Mengundi Awal;
  - iv. Pengamal media yang bertugas membuat liputan pilihan raya di luar kawasan pada Hari Mengundi;
  - v. Anggota bagi 10 Agensi/Organisasi iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Sukarelawan Simpanan Polis, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kesihatan Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara-UTC, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Agensi Pengurusan Bencana Negara, Tenaga Nasional Berhad yang bertugas pada Hari Mengundi;
  - vi. Warganegara Malaysia yang tinggal di luar negara; dan

- vii. Pengundi Tidak Hadir (PTH) luar negara iaitu penjawat awam yang berkhidmat di luar negara dan pasangan serta pelajar universiti/institusi tinggi sepenuh masa di luar negara dan pasangan.
2. Manakala Berdasarkan Subperaturan 27A (1), Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981, orang yang dikehendaki mengundi sebagai pengundi awal adalah:
- i. Anggota tentera;
  - ii. Isteri atau suami anggota tentera;
  - iii. Anggota polis selain anggota Pasukan Polis Sukarelawan Simpanan; dan
  - iv. Isteri atau suami kepada anggota polis yang berkhidmat dengan Pasukan Gerakan Am (PGA).
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SPR menentukan Bahagian Pilihan Raya seseorang pemilih berdasarkan kepada alamat bermastautin pemilih seperti di kad pengenalan. Sehubungan itu, bagi pengundi-pengundi yang berada di luar negeri pendaftarannya, adalah disarankan agar pengundi mengemaskini alamat bermastautin di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ke alamat terkini di mana mereka menetap sebelum memohon pertukaran alamat dengan SPR.
4. SPR menggalakkan pengundi untuk memohon pertukaran Bahagian Pilihan Raya berdasarkan tempat bermastautin terkini bagi memudahkan urusan pengundian bagi suatu pilihan raya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. LINGESHWARAN A/L DATO'**  
**SERI R. ARUNASALAM**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DR. LINGESHWARAN A/L DATO' SERI R. ARUNASALAM** minta  
**MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) sebab mengapakah di Malaysia terdapat seramai 20% kanak-kanak mempunyai pertumbuhan yang terbantut atau kurang berat badan; dan
- (b) jumlah dan kadar kanak-kanak terbantut atau kurang berat badan mengikut negeri dan strategi serta polisi Kerajaan untuk menangani masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Antara faktor yang menyumbang kepada berlakunya masalah bantut dan kurang berat badan dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia ialah:
  - (a) Pemakanan ibu semasa hamil yang tidak seimbang. Ianya boleh menyebabkan bayi dalam kandungan tidak membesar dengan sempurna dan dilahirkan dengan kurang berat iaitu kurang daripada 2500 gram. Bayi tersebut berisiko mendapat pelbagai masalah kesihatan kelak seperti anemia dan masalah tumbesaran;
  - (b) Tahap sosioekonomi keluarga di mana masalah bantut dan kurang berat badan adalah lebih tinggi dalam kalangan mereka yang berada di luar bandar, keluarga berpendapatan rendah, bapa yang tidak bekerja dan ibu yang berpendidikan rendah;
  - (c) Bayi diberi minum menggunakan botol susu dan puting tiruan;
  - (d) Amalan pemberian makanan yang tidak sihat iaitu memberi bayi makan terlalu awal atau lewat daripada umur 6 bulan, tidak memberi anak makanan berkhasiat yang mencukupi dan pelbagai, tidak bersih dan tidak selamat;
  - (e) Amalan pemberian makanan daripada sumber protein haiwan yang tidak mencukupi bagi menyokong tumbesaran anak; dan

- (f) Jangkitan penyakit seperti jangkitan pada saluran pernafasan (URTI) yang berulang.
- (g) Faktor ketinggian ibu bapa iaitu ketinggian ibu kurang daripada 150 sentimeter (sm) serta ketinggian bapa kurang daripada 160sm. Kanak-kanak lebih berisiko mengalami masalah bantut sekiranya ibu bapa mempunyai ketinggian yang rendah.
2. Hasil Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan tahun 2022 melaporkan anggaran populasi kanak-kanak bantut bawah umur 5 tahun adalah seramai 498,327 orang. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Negeri</b>	<b>Anggaran Populasi Kanak-kanak Bantut Bawah Umur 5 Tahun</b>
1.	Selangor	110,480
2.	Sabah & WP Labuan	69,627
3.	Johor	48,725
4.	Kedah	41,168
5.	Kelantan	38,774
6.	Pahang	35,009
7.	WP Kuala Lumpur & Putrajaya	29,682
8.	Sarawak	29,013
9.	Perak	23,111
10.	Terengganu	22,847
11.	Pulau Pinang	17,345
12.	Melaka	15,912
13.	Negeri Sembilan	12,912
14.	Perlis	3,722
<b>Malaysia</b>		<b>498,327</b>

3. Antara strategi serta polisi Kerajaan untuk menangani masalah ini adalah melalui pelaksanaan Dasar Pemakanan Kebangsaan Negara (DPKM) 2.0, Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (NPANM) III 2016-2025, Pelan Kesihatan Kanak-kanak dan Pelan Strategik Kebangsaan Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan Kanak-kanak Malaysia, 2023-2030. Jawatankuasa Khas Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan (BBM) dalam Kalangan Kanak-kanak yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri telah ditubuhkan dan dianggotai oleh 16 ahli Jemaah Menteri dan Pengurusan Tertinggi Kementerian/Agensi berkaitan.
4. Selain itu, program advokasi dan intervensi pemakanan yang sedang dilaksanakan antaranya:
  - (a) Pemantauan berat badan wanita hamil dan pemberian pil zat besi bagi wanita hamil yang mendapatkan pemeriksaan antenatal di Klinik Kesihatan;
  - (b) Pengiodinan Garam Secara Universal dan Fortifikasi Tepung Gandum untuk mengawal dan mencegah kekurangan nutrien terutama ibu hamil dan kanak-kanak;
  - (c) Program Penyusuan Susu Ibu memalui inisiatif Hospital Rakan Bayi dan Klinik Rakan Bayi;
  - (d) Pelaksanaan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan bagi melindungi amalan penyusuan susu ibu dari pengaruh promosi dan pemasaran agresif syarikat produk susu

formula bayi, makanan pelengkap bayi dan peralatan penyusuan (botol susu, puting susu dan puting kosong);

- (e) Program Pemulihan Kanak-kanak Kekurangan Zat Makanan (PPKZM) bagi kanak-kanak 6 bulan hingga 6 tahun yang mengalami masalah kekurangan pemakanan seperti kurang berat badan, susut, bantut daripada keluarga miskin tegar dan miskin; dan
  - (f) Program Community Feeding bersasar di lokaliti orang asli dan perumahan berkelompok terpilih di mana kanak-kanak diberi makanan bermasak, multivitamin/ minyak ikan dan susu penuh krim sekali sehari bagi tempoh 5 hari dalam seminggu;
5. Selain itu, KKM juga bekerjasama dengan KPWKM, KPN, KKDW dan KPM dengan menjalankan Latihan Penyediaan Makanan kepada pengusaha dan penyedia makanan serta semakan menu di TASKA, TABIKA, TADIKA dan prasekolah.
6. KKM percaya dengan usaha yang lebih bersepadu dan kerjasama daripada agensi kerajaan, badan bukan kerajaan dan pihak swasta akan membantu memerangi masalah bantut atau kurang berat badan dalam kalangan kanak-kanak yang sedang dihadapi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh mana komitmen Kerajaan untuk membendung pendatang asing yang mula menceburi bidang perniagaan sehingga menjaskan peniaga-peniaga tempatan dan berkemungkinan menjaskan ketenteraman awam.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) komited untuk menjalin kerjasama yang konstruktif dan aktif dengan Kementerian lain dalam memudahcara dan menyokong usaha penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap isu perniagaan tanpa lesen perniagaan di kawasan pentadbiran PBT terutamanya yang melibatkan warga asing. Kerjasama bersepadu dengan pendekatan '*whole of government*' bersama-sama agensi penguatkuasa lain seperti Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah perlu bagi menangani isu yang semakin berleluasa ini berdasarkan kekangan bidang kuasa PBT yang terhad kepada pemeriksaan lesen premis dan perniagaan sahaja.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, PBT tidak pernah membenarkan mana-mana warga asing untuk memohon/ memiliki lesen penjaja, peniaga kecil, premis perniagaan, kedai runcit, kedai makan, bengkel kereta dan di pasar-pasar, selaras dengan Undang-Undang Kecil (UUK) Penjaja dan UUK Tred, Perniagaan dan Perindustrian.

Di bawah UUK Penjaja, PBT tidak mengiktiraf dan membenarkan warga asing sebagai penjaja dan peniaga kecil. Malahan, PBT juga tidak membenarkan penggajian warga asing sebagai pekerja/ pembantu di bawah lesen penjaja yang dikeluarkan kepada warganegara di premis PBT. Ini kerana kadar harga sewaan yang ditetapkan oleh PBT adalah di

bawah harga pasaran dan bertujuan untuk memberikan peluang perniagaan kepada rakyat tempatan.

Di bawah UUK Tred, Perniagaan dan Perindustrian pula, pengeluaran lesen perniagaan hanya dikeluarkan untuk warganegara Malaysia sahaja dan membenarkan warga asing diambil bekerja sebagai pekerja/ pembantu dengan syarat memiliki pas kerja/ permit dagang yang sah. PBT tidak akan berkompromi dengan sebarang pelanggaran yang jelas terhadap syarat-syarat lesen yang telah dikeluarkan kepada mana-mana perniagaan dan pemegang lesen dengan mengambil tindakan tegas seperti tindakan sitaan, kompaun, penutupan premis dan pembatalan lesen.

Operasi penguatkuasaan dan pemantauan yang dilaksanakan di peringkat PBT antaranya seperti berikut:

- i. pemantauan secara berkala ke atas premis-premis perniagaan dan penjaja di kawasan PBT terutamanya yang menjadi tumpuan warga asing;
- ii. membuat sitaan dan rampasan barang penjaja warga asing yang didapati menjalankan perniagaan secara haram; dan
- iii. menjalankan operasi bersepadu bersama agensi seperti JIM, PDRM dan agensi penguatkuasa lain memandangkan sebarang tindakan penahanan warga asing atau Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) adalah di bawah bidang kuasa dan pengurusan jabatan tersebut.

Selain itu, PBT telah melaksanakan sebanyak 1,539 operasi penguatkuasaan terhadap premis perniagaan yang melibatkan warga asing bagi tahun 2022 sehingga 31 Oktober 2023. Sehingga kini, sebanyak 26,108 lesen peniaga telah dibatalkan atas sebab pelanggaran syarat-syarat lesen/ premis yang dikeluarkan oleh PBT.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATO' SIVARAJ A/L CHANDRAN** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk mewujudkan Akta Anti Scam ekoran undang-undang sedia ada dilihat tidak berkesan dalam usaha membanteras jenayah penipuan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(UNDANG-UNDANG DAN REFORMASI INSTITUSI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kerajaan menyedari akan kekangan-kekangan yang dihadapi dalam usaha-usaha memerangi jenayah penipuan atau *scam*. Dalam hal ini, agensi-agensi penguatkuasa dengan kerjasama institusi perbankan dan syarikat telekomunikasi, telah dan akan terus memantapkan kerjasama dalam perkongsian dan analisa maklumat dan data, serta pelarasaran operasi bersama. Hasil kerjasama ini telah diterjemahkan dengan terbentuknya Pusat Respon Scam Kebangsaan (*National Scam Response Centre – NSRC*).
  
2. Dalam masa yang sama, kajian terperinci dan menyeluruh turut dijalankan khususnya dari sudut perundangan bagi penggunaan peruntukan sedia ada seperti Seksyen 420 Kanun Keseksaan [Akta 574] Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 [Akta 613]. Walau bagaimanapun, usaha sedang dijalankan untuk perbincangan bersama agensi-agensi berkaitan bagi menilai keperluan untuk meminda mana-mana Akta bagi tujuan tersebut.

**NO SOALAN : 30**

3. Kerajaan sedang meneruskan tindakan yang lebih tegas terhadap pemilik akaun keldai, sama ada individu atau syarikat, seperti pembekuan atau penyitaan akaun-akaun keldai. Langkah-langkah ini diambil untuk menyekat aliran wang dari aktiviti penipuan dan memberlakukan sekatan terhadap nombor telefon talian yang telah dikenal pasti terlibat dalam kegiatan penipuan dalam talian.
4. Justeru, Kerajaan sedang dan sentiasa berusaha dalam pemantapan tatakelola dari segi kaedah penguatkuasaan undang-undang dan penyiasatan khususnya dalam membanteras jenayah penipuan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN**

**: LISAN**

**DARIPADA**

**: YB TUAN AMIR BIN MD GHAZALI**

**TARIKH**

**: 12 DISEMBER 2023**

**TUAN AMIR BIN MD GHAZALI** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan kekangan yang dihadapi Kementerian dalam usaha mempromosi produk pelancongan melalui *Tourism Malaysia*.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui agensinya *Tourism Malaysia* sentiasa mempromosikan produk-produk pelancongan tempatan sebagai usaha untuk menjana pendapatan utama dalam pembangunan sosio ekonomi negara.
2. Antara kekangan yang dihadapi Kementerian dalam usaha mempromosikan produk pelancongan adalah seperti berikut:
  - i. Kesukaran untuk mendapatkan data yang tepat dan berkala terutamanya daripada pengusaha segmen minat khas (*niche*) bagi merancang kempen promosi yang lebih berkesan.
  - ii. Pengusaha pelancongan yang tidak berlesen dengan MOTAC membuatkan *Tourism Malaysia* tidak boleh mempromosikan produk mereka walaupun ia telah sedia *viral* (tersebar luas) di media sosial tempatan. Sebagai contoh, tapak glamping, pengusaha selam skuba, pengusaha produk aktiviti lasak dan sebagainya yang tidak berlesen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK JOHN AMBROSE**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATUK JOHN AMBROSE** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan pihak Kementerian dalam menambah baik dan menaik taraf kemudahan infrastruktur sekolah-sekolah di luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak agar seimbang dengan perkembangan arus perdana.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur kepada semua murid di seluruh negara tanpa mengira sekolah di bandar atau luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak. Perkara ini penting bagi memastikan murid-murid boleh belajar dengan selesa, kondusif dan dapat memberi fokus kepada pembelajaran dengan baik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM menggunakan penetapan projek pembangunan semula atau menaik taraf bangunan sekolah yang daif berdasarkan analisis skor gred impak bagi menentukan tahap keadaan komponen fizikal atau fasiliti bangunan di sekolah. Skor gred impak ini mempunyai 7 tahap. KPM memberikan keutamaan untuk melaksanakan projek menaik taraf atau penggantian kepada blok bangunan di sekolah yang berada pada skala 6 dan skala 7 secara berfasa tertakluk kepada keperluan sebenar, lebihan baki tanah sekolah serta status hakmilik tanah. Permohonan pelaksanaan projek ini akan dimohon untuk pertimbangan agensi pusat dalam setiap Rolling Plan Rancangan Malaysia Lima Tahun. Kelulusan dan pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada keutamaan dan kedudukan kewangan semasa kerajaan.

Untuk makluma Ahli Yang Berhormat, bagi negeri Sabah, sehingga 21 Oktober 2023, KPM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM80.45 juta bagi tujuan penyelenggaraan institusi pendidikan di seluruh negeri Sabah. Kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan

merangkumi penyelenggaraan struktur dan bukan struktur bangunan bilik darjah, blok pentadbiran termasuk bilik guru, pembaikan bumbung, pendawaian elektrik, pagar, longkang, dan lain-lain penyelenggaraan kecil.

KPM juga telah menyalurkan peruntukan khas secara *one-off* sebanyak RM100 juta bagi tujuan baikpulih dan selenggara fasiliti dan kuarters di institusi pendidikan di negeri Sabah.

Selain itu, KPM telah menyalurkan peruntukan khas bagi naiktaraf dan penyelenggaraan kecil institusi pendidikan tahun 2023 (penyelenggaraan tandas dan penyelenggaraan lain) sebanyak RM78.84 juta melibatkan 1,117 buah sekolah dan institusi pendidikan di seluruh negeri Sabah. Manakala sebanyak RM20 ribu telah disalurkan kepada semua sekolah yang masih belum menerima peruntukan Penyelenggaraan Institusi Pendidikan 2023. Jumlah peruntukan khas ini bagi negeri Sabah adalah sebanyak RM12juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pembinaan semula bangunan sekolah yang daif di negeri Sabah, KPM telah diluluskan 305 projek dengan peruntukan sebanyak RM2.774 bilion. Sehingga 15 November 2023, sebanyak 216 projek telah siap, 50 projek di peringkat pembinaan dan 39 projek di peringkat pra bina.

Bagi negeri Sarawak pula, sehingga 21 Oktober 2023, KPM telah meluluskan peruntukan penyelenggaraan institusi pendidikan di negeri Sarawak sebanyak RM111.46 juta. Peruntukan ini berdasarkan permohonan melalui Pejabat Pendidikan Daerah/Jabatan Pendidikan Negeri. Kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan merangkumi

penyelenggaraan struktur dan bukan struktur bangunan, pembaikan bumbung, pendawaian elektrik, pagar, longkang, sistem kumbahan dan lain-lain penyelenggaraan kecil.

Sehingga 21 Oktober 2023, KPM juga telah menyalurkan peruntukan khas secara *one-off* sebanyak RM100 juta bagi tujuan baikpulih dan selenggara fasiliti dan kuarters di institusi pendidikan di negeri Sarawak.

Selain daripada itu, KPM telah menyalurkan peruntukan khas bagi naiktaraf dan penyelenggaraan kecil institusi pendidikan tahun 2023 (penyelenggaraan tandas dan penyelenggaraan lain) sebanyak RM105 juta melibatkan 1,134 buah sekolah dan institusi pendidikan di seluruh negeri Sarawak.

KPM juga telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM20 ribu kepada semua sekolah yang masih belum menerima peruntukan Penyelenggaraan Institusi Pendidikan 2023. Sebanyak RM21.32 juta telah disalurkan kepada JPN Sarawak bagi tujuan tersebut.

Bermula tahun 2016 sehingga tahun 2023, KPM telah diluluskan 375 projek pembinaan semula bangunan sekolah yang daif di negeri Sarawak dengan kos sebanyak RM2.594 bilion. Sehingga 15 November 2023, sebanyak 236 projek telah siap, 42 projek di peringkat pembinaan dan 97 projek di peringkat pra bina.

**NO SOALAN: 32**

KPM berharap, melalui langkah yang sedang dan akan dilaksanakan dalam menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur kepada semua murid di seluruh negara, murid dapat melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dalam keadaan selamat dan selesa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK LIM PAY HEN**

**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATUK LIM PAY HEN** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan:

- (a) usaha atau langkah yang telah dilakukan untuk memperkasa pertanian bandar (urban farming) sebagai salah satu cara bagi mengurangkan kos sara hidup dan menjamin sumber makanan; dan
- (b) status terkini Program Pertanian Bandar yang diperkenalkan pada tahun 2014 serta penambahbaikan yang telah dilakukan sehingga kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian melalui Jabatan Pertanian Malaysia (DOA) telah melaksanakan Program Pertanian Bandar bermula pada tahun 2014 sehingga kini melibatkan peruntukan berjumlah RM 83.82 juta. Program ini menawarkan insentif dalam bentuk *in-kind* seperti benih, baja dan peralatan kecil pertanian kepada peserta yang terlibat.

Selaras dengan usaha untuk memperkasa program ini ke arah mengurangkan kos sara hidup dan menjamin sumber makanan, DOA telah menjalankan kerjasama strategik antara Kementerian, Jabatan, Agensi dan pihak berkuasa yang berkaitan bagi menggalakkan lebih ramai individu/komuniti terutama golongan B40 menyertai Program Pertanian Bandar. Berdasarkan kajian oleh MARDI pada tahun 2021 mendapati bahawa penjimatan perbelanjaan dapur sebanyak RM50.64 (58%) sebulan bagi peserta komuniti. Manakala, bagi peserta individu terdapat penjimatan sebanyak RM57.26 (63%) sebulan.

Selain daripada pemberian insentif, Jabatan Pertanian juga melaksanakan aktiviti pengembangan seperti kursus dan latihan secara *hands on* kepada peserta bagi memastikan program ini dapat dilaksanakan secara berterusan dan dikembangkan kepada seluruh komuniti di Malaysia. Aktiviti tambah nilai seperti penghasilan kompos daripada sisa buangan pertanian bandar dan penghasilan produk industri asas tani juga dilaksanakan bagi menjana pendapatan daripada aktiviti di sepanjang rantai nilai.

## NO SOALAN: 33

Sehingga 2023, pelaksanaan Program Pertanian Bandar telah memanfaatkan seramai 223,904 orang peserta dari 41,214 lokasi seluruh Malaysia dengan pecahan seperti berikut:

Tahun	Individu		Komuniti		Sekolah		Institusi		Jumlah	
	Peserta	Lokasi	Peserta	Lokasi	Peserta	Lokasi	Peserta	Lokasi	Peserta	Lokasi
2014	682	63	1,312	87	1,399	75	1,609	55	5,002	280
2015	8,215	296	3,580	191	8,215	296	3,580	191	25,172	990
2016	11,088	427	5,372	247	11,913	525	4,582	246	32,955	1,445
2017	2,160	100	14,384	445	3,298	137	1,991	72	21,833	754
2018	4,319	185	4,731	190	8,412	320	3,877	166	21,339	861
2019	1,555	92	4,056	156	9,706	352	3,370	135	18,687	735
2020	14,850	13,614	8,933	758	8,568	326	3,924	159	36,275	14,857
2021	20,168	18,750	13,495	1,150	6,863	364	2,711	159	43,237	20,423
2022	1,658	428	3,919	364	4,860	441	2,103	197	12,540	1,430
2023	688	93	10,294	982	5,744	530	1,852	176	18,578	1,781

Bagi menambah baik Program Pertanian Bandar, sebanyak RM30 juta telah diperuntukkan bagi tahun 2022 hingga 2025 bagi pelaksanaan program Kebuniti Madani bertujuan bukan sahaja untuk mengurangkan kos sara hidup tetapi juga meningkatkan kapasiti komuniti dalam membekalkan bahan makan kepada kawasan setempat. Program ini juga telah ditambah baik dengan melibatkan ketiga-tiga subsektor iaitu tanaman, ternakan dan akuakultur. Sehingga kini, sebanyak 1,121 komuniti yang terdiri daripada 701 subsektor tanaman, 224 subsektor akuakultur dan 194 subsektor ternakan telah diluluskan pelaksanaan di bawah program Kebuniti Madani ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**TAN SRI DATO' LOW KIAN CHUAN** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan

- a. peratusan kadar penggunaan Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) dan Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP); dan
  
- b. cabaran yang dihadapi semasa penggunaan RCEP dan CPTPP.

**JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

Kadar penggunaan Perjanjian Komprehensif dan Progresif Bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dan Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) boleh diukur melalui kadar pengeluaran Sijil Tempasal (*Certificate of Origin – CO*) kepada pengeluar Malaysia bagi membolehkan barang mereka mendapat layanan berkeutamaan (*preferential treatment*) melalui duti import yang rendah atau bebas duti di pasaran rakan dagang CPTPP dan RCEP.

Bagi CPTPP, dari tempoh 29 November 2022 sehingga 30 November 2023, sebanyak 5,224 Sijil Tempasal (*Certificate of Origin – CO*) dengan nilai berjumlah RM1.91 bilion telah dikeluarkan manakala bagi RCEP dari tempoh 18 Mac 2022 sehingga 30 November 2023, sebanyak 2,624 CO dengan nilai berjumlah RM897.99 juta telah dikeluarkan.

Sebagai Perjanjian yang baru dikuatkuasakan semenjak 2022, antara cabaran yang dihadapi di dalam melaksanakan CPTPP dan RCEP adalah untuk meningkatkan kadar penggunaan kedua-dua FTA tersebut oleh syarikat tempatan

Pada masa kini, MITI berpandangan bahawa masih banyak ruang yang boleh diterokai untuk meningkatkan kadar penggunaan kedua-dua FTA tersebut. Ada di kalangan syarikat tempatan yang didapati masih mengambil masa untuk memahami jadual pengurangan duti import negara-negara ahli dan mengenal pasti produk-produk yang mendapat

faedah terbesar melalui pengurangan duti tersebut di bawah CPTPP dan RCEP. Syarikat tempatan juga masih menggunakan FTA-FTA lain yang telah lama dan sedang berkuatkuasa seperti Perjanjian Perdagangan Barang ASEAN (ATIGA), FTA ASEAN-China (ACFTA) dan FTA ASEAN-Jepun (AJCEP) yang menawarkan kadar duti yang sama atau lebih rendah.

Sehubungan dengan itu, bagi meningkatkan kadar kesedaran mengenai peluang dan manfaat kedua-dua FTA tersebut, pihak MITI sedang giat melaksanakan sesi libat urus dengan pihak industri. Fokus perlu diberikan kepada manfaat CPTPP dan RCEP bagi pasaran di negara-negara yang Malaysia tidak mempunyai FTA duahala atau serantau bersama ASEAN. Pada tahun 2023 sahaja, MITI telah melaksanakan lebih daripada 20 sesi libat urus dengan pelbagai pihak industri termasuk dewan-dewan perniagaan dan persatuan-persatuan industri.

Selain itu, pihak MITI melalui MATRADE, telah merangka strategi dan mengambil pendekatan seperti berikut:-

- i. Meningkatkan promosi eksport ke pasaran CPTPP dan RCEP serta negara yang Malaysia pertama kali menjalin FTA iaitu Kanada, Mexico dan Peru bagi barang eksport Malaysia yang dikenakan tarif lebih rendah seperti produk minyak sawit, produk getah, produk kayu (seperti *plywood*), barang elektrik & elektronik (E&E), produk automotif dan lain-lain;

- ii. MATRADE memainkan peranan untuk membawa pembeli-pembeli asing dari negara-negara ahli CPTPP dan RCEP yang berkualiti untuk dipadankan dengan syarikat-syarikat tempatan di acara pameran perdagangan antarabangsa yang dianjurkan di Malaysia seperti *Oil & Gas Asia* (OGA), MIHAS, *Defence Services Asia* (DSA) dan *International Greentech & Eco Products Exhibition and Conference Malaysia* (IGEM); dan
- iii. Melaksanakan pelbagai program pembangunan pengeksport untuk memupuk kemampanan dan amalan kelestarian di kalangan penggiat industri tempatan. Usaha ini dapat meningkatkan eksport, mengekalkan keberadaan pasaran (*market presence*) serta bersaing untuk barang berdasarkan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) di pasaran seperti Australia dan Jepun.

Selain itu, Kerajaan juga melaksanakan program Misi Galakan Perdagangan dan Pelaburan (MGPP) ke luar negara termasuk ke negara anggota CPTPP dan RCEP bertujuan mempromosi barang dan perkhidmatan keluaran negara serta Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk pelaburan langsung asing (FDI).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**TUAN MANOLAN BIN MOHAMAD** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah kajian menyeluruh dibuat berkenaan prestasi murid apabila peperiksaan UPSR dimansuhkan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa susulan pemansuhan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) mulai tahun 2021, KPM memberi tumpuan kepada pemerksaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) melibatkan komponen Pentaksiran Bilik Darjah, Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum serta Pentaksiran Psikometrik.

Pelaksanaan pemerksaan PBS adalah bertujuan untuk melaporkan pencapaian dan prestasi berkaitan perkembangan serta kejayaan murid pada peringkat sekolah rendah dalam pelbagai bidang secara holistik, menyeluruh dan bermakna. Pelaksanaan ini adalah seiring dengan hasrat

KPM untuk melestarikan pendidikan daripada pembelajaran berorientasikan peperiksaan kepada pembelajaran berasaskan potensi dan perkembangan murid disokong pentaksiran.

PBS tidak hanya berfokus untuk melaporkan keputusan akademik semata-mata tapi juga melaporkan secara formal tentang profil murid dari segi kecerdasan semulajadi dan aptitud, tahap penguasaan dalam mata pelajaran di sekolah, kecergasan, tahap kesihatan dan pelibatan murid dalam aktiviti luar bilik darjah. Pelaksanaan PBS dapat menyediakan murid untuk memenuhi keperluan semasa melalui penilaian yang lebih holistik iaitu murid menjadi lebih kreatif, inovatif dan memahami keupayaan diri seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan

Kebangsaan (FPK) dan seterusnya diterjemahkan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

Bagi membantu mengenal pasti isu dan cabaran dalam pelaksanaan PBS, KPM telah melaksanakan sesi libat urus (SLU) di enam zon di seluruh Malaysia mulai 5 hingga 17 April 2023. SLU ini melibatkan seramai 500 orang peserta yang terdiri daripada guru, pentadbir sekolah, Pelibatan Ibu Bapa Komuniti Swasta (PIBKS) serta pegawai bahagian KPM dan Jabatan Pendidikan Negeri.

Hasil dapatan daripada sesi libat urus ini telah dibentangkan dalam Konvensyen Libat Urus PBS yang dilaksanakan pada 6 - 7 Jun 2023. Melalui pelaksanaan konvensyen tersebut, KPM memberi ruang kepada wakil dari pihak-pihak yang terlibat dalam ekosistem pendidikan kebangsaan untuk memberikan pandangan terbaik, lontaran idea yang berkesan serta penambahbaikan dan tambah nilai yang perlu dilakukan oleh KPM bagi memperkemas hala tuju PBS. Susulan penganjuran konvensyen tersebut, KPM telah mengadakan Persidangan Meja Bulat Resolusi Konvensyen Libat Urus PBS pada 11 hingga 13 Julai 2023 melibatkan ahli akademik dari universiti awam, wakil PIBKS dan pegawai Bahagian KPM. Dapatan persidangan meja bulat tersebut boleh dijadikan dasar yang lebih mantap bagi mendokong usaha-usaha membangunkan ekosistem pendidikan terbaik di sekolah.

KPM yakin segala usaha dan langkah yang dilaksanakan dalam pemerkasaan PBS dapat memenuhi hasrat FPK dan PPPM 2013-2025 dalam membangunkan potensi murid secara holistik melalui pentaksiran yang menyeluruh.

**NO SOALAN: 35**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' DR. NELSON A/L**  
**RENGANATHAN**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATO' DR. NELSON A/L RENGANATHAN** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan rancangan khas yang disediakan oleh Kementerian bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana (SME) daripada segi modal kewangan untuk memastikan bahawa perniagaan mereka akan berterusan dalam suasana ekonomi yang tidak menentu pada masa ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) melalui agensi-agensinya telah menyediakan pelbagai program dan skim pembiayaan kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam memastikan kelangsungan perniagaan mereka. Antara program dan skim pembiayaan yang disediakan ialah:

- (i) **Skim Pembiayaan BRPLUS-i** oleh Bank Rakyat yang menawarkan kemudahan pembiayaan untuk membiayai keperluan modal kerja dan perbelanjaan modal perniagaan usahawan PKS;
- (ii) **Program SME Recapitalisation Fund** oleh SME Bank bertujuan membantu usahawan PKS yang terlibat dalam sektor berimpak tinggi terpilih untuk memperoleh pembiayaan;
- (iii) **Program Peningkatan Kapasiti dan Keupayaan PKS (BAP)** oleh SME Corp. yang menyediakan bantuan dalam bentuk geran dan pinjaman mudah kepada usahawan PKS bagi tujuan peningkatan kapasiti dan keupayaan melalui peningkatan produktiviti, automasi dan pendigitalan, pembungkusan dan pelabelan produk; dan

## **NO SOALAN: 36**

- (iv) **Program Business In Transformation (B.I.T)** oleh PERNAS yang menyediakan pembiayaan untuk membimbing usahawan kecil menjadi pra-francisor tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ.**  
**MOHAMED HANIFFA BIN HJ.**  
**ABDULLAH**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**PROF. TAN SRI DATUK DR. HJ. MOHAMED HANIFFA BIN HJ. ABDULLAH** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan dalam konteks ketidakstabilan dan naik turun pasaran global dan impaknya ke atas peningkatan kos sara hidup rakyat, apakah langkah strategik yang diambil Kementerian untuk mengurangkan kebergantungan negara terhadap barang import dan apakah kaedah yang dikenal pasti bagi meningkatkan keberlanjutan akses makanan serta peranan kecekapan logistik negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sentiasa komited dalam mengurangkan kebergantungan negara terhadap barang import. Sehubungan itu, antara langkah strategik KPKM selaras dengan strategi utama dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 seperti berikut:

- (i) meningkatkan pengeluaran domestik empat (4) subsektor utama iaitu padi dan beras, buah-buahan dan sayur-sayuran, ternakan serta perikanan dan akuakultur melalui:
  - (a) Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) menerusi Model Mini Sekinchan dan melaksanakan projek rintis penanaman padi lima (5) musim dalam tempoh dua (2) tahun;
  - (b) Program Pengukuhan Keterjaminan Makanan untuk meningkatkan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran rendah Kadar Sara Diri (SSR) seperti cili, kubis dan halia;
  - (c) pewujudan enam (6) TKPM baharu dan pembangunan tanah-tanah terbiar milik agensi Kerajaan dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dalam usaha memperluaskan kawasan pengeluaran makanan negara;

- (d) memperkasa penternakan lembu pedaging melalui program pемbiakbakaan untuk mencapai SSR sebanyak 50% pada 2030;
  - (e) melaksanakan Program Pembangunan Industri Tenusu Negara bagi meningkatkan pengeluaran susu segar tempatan bagi mencapai Kadar Sara Diri (SSR) sebanyak 100% pada 2030;
  - (f) memperkasa pengeluaran ikan makanan melalui industri akuakultur yang menyasarkan pengeluaran akuakultur berbanding perikanan tangkapan pada nisbah 60:40;
- (ii) mempergiatkan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) antaranya penyelidikan pembangunan varieti padi yang tahan kemarau serta kajian pembangunan baka akuakultur yang mempunyai daya tahan kepada perubahan iklim;
- (iii) memperkasa industri benih tempatan melalui pewujudan hub benih dan baka bagi mengurangkan kebergantungan negara kepada import input pertanian;
- (iv) melaksanakan stok penimbal (stokpail) bekalan makanan terpilih seperti berikut:
- (a) status semasa stok beras negara sehingga 14 November 2023 adalah sebanyak 902,613 tan metrik meliputi 250,000 tan metrik stokpail Kerajaan dan 652,613 tan metrik stok

dagangan. Jumlah ini adalah mencukupi untuk menampung keperluan beras negara bagi tempoh empat (4) hingga lima (5) bulan;

- (b) mewujudkan stokpail ayam sebanyak 4,536 tan metrik untuk menstabilkan bekalan ayam di pasaran oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP); dan
- (c) menyediakan stokpail ikan sebanyak 1,000 tan metrik untuk menstabilkan bekalan ikan semasa musim tengkujuh dan perayaan oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Dalam meningkatkan keberlanjutan akses makanan serta peranan kecekapan logistik negara, KPKM melaksanakan pelbagai kaedah antaranya seperti berikut:

- (i) melaksanakan program jualan terus dari ladang kepada pengguna melalui pelaksanaan Jualan Agro MADANI di seluruh negara yang memfokuskan kepada kawasan berkependudukan padat dalam kalangan B40 dan M40. Sehingga 26 November 2023, sebanyak 4,748 jualan telah diadakan di 4,429 lokasi;
- (ii) melaksanakan Program Rakan Pemasar Kontrak Pemasaran (RPKP) iaitu kerjasama strategik usahawan pemasar bimbingan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan peserta Ladang Kontrak. Program ini merupakan strategi untuk membangunkan usahawan pemasar baharu yang kompetitif dan berupaya mewujudkan persaingan sihat dalam pasaran;

- (iii) memperkasa peranan outlet peruncitan jualan terus kepada pengguna seperti Pasar Tani, Pasar Tani Kekal dan AgroBazaar di bawah kelolaan FAMA dan Peladang Outlet di bawah kelolaan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) serta Pasar Nelayan di bawah seliaan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM); dan
- (iv) menyediakan perkhidmatan pembelian dalam talian melalui platform AgroBazaar Online sebagai saluran pemasaran baharu.

Dalam meningkatkan peranan kecekapan logistik, KPBM melalui FAMA menyediakan fasiliti seperti sewaan bilik sejuk dan logistik bagi menyimpan produk segar pertanian. FAMA turut menyediakan kemudahan logistik bagi mengangkut hasil pertanian di kawasan yang sukar di akses dan berskala kecil. Selain itu, sokongan logistik melalui Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan di bawah LKIM yang dioperasikan oleh persatuan nelayan dan usahawan pemasar terpilih turut diperluaskan ke seluruh negara bagi menjalin pasaran antara nelayan, penternak dan usahawan pemasar.

KPBM yakin pelbagai strategi yang telah dilaksanakan mampu mengukuhkan keterjaminan makanan dengan meningkatkan ketersediaan makanan dan akses makanan yang mampu beli, berkhasiat dan mencukupi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK HAJI MUSTAFA BIN MUSA**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATUK HAJI MUSTAFA BIN MUSA** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan fokus pendidikan di sekolah rendah agar pelajar tidak dibebani dengan kandungan subjek yang tinggi tahapnya dan guru-guru gagal menghabiskan sukanan pelajaran kerana kekangan waktu pertemuan dan pembelajaran.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kurikulum merupakan nadi dalam pendidikan dan menjadi asas kepada sistem pendidikan negara. Kurikulum persekolahan dibangunkan dengan hasrat untuk melahirkan generasi terdidik yang memiliki keunggulan dalam mendepani cabaran dan keperluan pembangunan negara pada masa akan datang dengan berpaksikan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Rukun Negara dan dasar-dasar negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memastikan kurikulum yang digubal relevan dengan keperluan semasa. Penggubalan kurikulum perlu mengambil kira cabaran dan perubahan perkembangan dunia pendidikan di luar negara dan keperluan pendidikan masyarakat Malaysia. Cabaran globalisasi, liberalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi dunia masa kini menuntut perubahan kurikulum untuk memastikan semua murid mendapat kemahiran yang sewajarnya supaya mampu berdaya saing bukan hanya di dalam negara tetapi juga pada peringkat global.

Sehubungan dengan itu, fokus pendidikan di Tahap 1 sekolah rendah adalah memberi penekanan kepada kemahiran membaca, menulis, mengira, dan menaakul (4M). Tahap 2 pula penekanan diberikan kepada pengukuhan dan aplikasi kemahiran 4M di samping penguasaan kemahiran yang lebih kompleks, pemerolehan pengetahuan, dan perkembangan sahsiah. Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) diberi penekanan melalui penyataan secara eksplisit dalam dokumen kurikulum

semua mata pelajaran bagi membolehkan kemahiran berfikir aras tinggi diaplikasi dan dikuasai murid.

Selain itu, bagi memastikan kurikulum sedia ada kekal relevan dan selari dengan keperluan semasa, KPM melaksanakan pemugaran kurikulum. Pemugaran kurikulum ini bertujuan memberi fokus pendidikan di sekolah rendah agar murid mudah mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP). Pemugaran kurikulum yang dilaksanakan ini memberi fokus kepada mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik di sekolah rendah. Pemugaran ini juga dapat membimbing guru-guru merancang waktu pengajaran mereka berdasarkan kurikulum yang disediakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, melalui pemugaran kurikulum, KPM melatih guru menyusun semula kandungan kurikulum dan mencadangkan pendekatan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang bersesuaian untuk dilaksanakan di bilik darjah. KPM juga telah membangunkan Modul Bimbingan (MOBIM) bagi empat mata pelajaran tersebut dengan menggunakan pendekatan yang mudah dan bersesuaian dengan tahap keupayaan dan kebolehan murid.

Sebagai contoh MOBIM Sains dan Matematik dibangunkan dengan memberi cadangan penyusunan semula kandungan kurikulum dan cadangan peruntukan masa yang bersesuaian bagi membantu guru merancang strategi pengajaran dan pembelajaran. Justeru, kandungan kurikulum lebih mudah dioperasikan dan guru mampu menyelesaikannya dalam tempoh yang ditetapkan.

## **NO SOALAN: 38**

MOBIM telah disebar luas ke semua sekolah mulai Mac 2023 bermula dengan Tahun Satu. MOBIM untuk Tahun Dua dan seterusnya akan diedarkan secara berperingkat sehingga selesai. MOBIM boleh diakses oleh semua pihak termasuk ibu bapa melalui pautan <https://sites.google.com/moe-dl.edu.my/mobim/home>.

KPM yakin, semua usaha yang dirancang dan dipantau secara berkala dapat memastikan kurikulum baharu 2027 nanti bertepatan dengan keperluan melahirkan modal insan yang dapat memberikan kesejahteraan kepada negara dan global.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN ABUN SUI ANYIT**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**TUAN ABUN SUI ANYIT** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan :

- (a) adakah Kementerian berhasrat untuk menjadikan sungai sebagai tempat mandi-manda; dan
- (b) apakah kaedah-kaedah yang digunakan untuk mengelakkan sungai menjadi tempat pembuangan sampah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurusan sungai di negara ini pada dasarnya diurus tadbir oleh pelbagai pihak dan agensi-agensi berkaitan di peringkat Negeri dan Persekutuan. Kementerian juga menggalakkan semua pihak prihatin untuk menjadikan sungai salah satu lokasi sebagai tempat riadah di samping menjaga kebersihan serta kelestarian alam sekitar. Kerjasama dan komitmen dari semua pihak termasuk agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah penting untuk memastikan sungai-sungai di negara kita sentiasa bersih.
2. Dalam hal ini, Kementerian telah melaksanakan Program Pembangunan Denai Sungai Kebangsaan (DSK) yang merupakan salah satu pendekatan *Nature-Based-Solutions* (NBS) bagi menjaga kelestarian sungai. Program DSK ini berperanan meningkatkan cakna masyarakat terhadap keindahan sungai, meramaikan pengunjung tepian sungai untuk riadah dan secara tidak langsung boleh menghindari aktiviti pembuangan sisa haram. Sehingga hari ini, sepanjang 1248 km denai telah dibina berdasarkan perancangan dan peruntukan yang diluluskan.
3. Kerjasama badan-badan korporat dan pusat pengajian tinggi dengan Pihak Berkuasa Negeri dan Kerajaan Persekutuan juga telah diwujudkan bagi menjayakan dan meningkatkan inisiatif komunikasi, pendidikan, pembabitan dan kesedaran (*Communication, Education, Participation and Awareness, CEPA*).

**NO SOALAN: 39**

4. Selain itu, Kementerian juga sentiasa menggalakkan program-program kesedaran dan pendidikan mengenai kepentingan pemeliharaan sungai melalui program Rakan Alam Sekitar, *River Ranger* dan sebagainya serta mempromosi kempen cintai sungai.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L**  
**A. ACHYUTHAN NAIR**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah mekanisme yang akan dilaksanakan untuk memantau kenaikan serta penurunan harga tiket penerbangan yang ditetapkan oleh Malaysia Airlines (MAS) dari semasa ke semasa berikutan pendirian yang dinyatakan oleh Menteri bahawa Kementerian tidak akan campur tangan dalam polisi tambang yang melibatkan syarikat penerbangan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai sebuah Kerajaan yang berteraskan Malaysia Madani, Kementerian Pengangkutan memandang serius akan keluhan dan rungutan rakyat mengenai harga tambang tiket penerbangan. Kementerian Pengangkutan melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia membuat pemantauan secara bulanan terhadap penetapan harga tambang yang dikenakan oleh syarikat-syarikat penerbangan Malaysia termasuk Malaysia Airlines Berhad.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, harga tiket umumnya akan meningkat pada musim cuti dan perayaan disebabkan permintaan yang tinggi untuk tempoh perjalanan yang sama memandangkan permintaan adalah melebihi kapasiti yang boleh disediakan oleh syarikat-syarikat penerbangan termasuk Malaysia Airlines (MAS).
3. Syarikat-syarikat penerbangan menggunakan mekanisme *dynamic pricing* dan menjual tiket berdasarkan *Reservation Booking Designator (RBD)* di mana tiket dijual mengikut bakul harga (“*price buckets*”) yang ditetapkan. Melalui mekanisme *dynamic pricing*, tiket dalam bakul harga yang murah akan dijual terlebih dahulu dan harga tiket akan semakin meningkat apabila tiket dalam sesuatu bakul harga itu habis dijual.

## **NO SOALAN: 40**

4. Kebiasaan syarikat penerbangan akan mula menjual tiket seawal sembilan bulan sebelum tarikh penerbangan. Apabila harga tiket disemak satu atau dua minggu sebelum tempoh perjalanan, harga tiket kebiasaan sudah tinggi. Ini adalah kerana harga tiket di bakul yang murah sudah habis dijual dan harga tiket di bakul yang tinggi sahaja yang tinggal.
5. Walaupun Kerajaan tidak terlibat dalam penetapan harga tambang penerbangan, pelbagai langkah telah diambil bagi menangani masalah harga tiket penerbangan yang tinggi semasa musim puncak. Kementerian Pengangkutan telah mengadakan perbincangan dengan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan syarikat-syarikat penerbangan domestik bagi memastikan harga tiket penerbangan yang ditawarkan adalah kompetitif. Hasil perbincangan tersebut, syarikat-syarikat penerbangan telah bersetuju untuk menambah kapasiti penerbangan dari semasa ke semasa bergantung kepada permintaan.
6. Selain itu, Jemaah Menteri pada 17 Mei 2023 telah bersetuju untuk melaksanakan bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan sehala bagi laluan-laluan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah/Sarawak/Labuan sempena perayaan Pesta Kaamatan yang disambut pada 30 Mei 2023 dan Hari Gawai pada 1 Jun 2023. Harga tiket penerbangan sehala bagi setiap penumpang bagi laluan-laluan domestik yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah/Sarawak/Labuan ditetapkan sebanyak maksimum RM300 atau mengikut harga sebenar tambang sekiranya harga tiket tersebut kurang daripada RM300.

**NO SOALAN: 40**

7. Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 12 Julai 2023 juga telah bersetuju dengan pelaksanaan inisiatif bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan untuk pelajar universiti awam bagi laluan domestik di antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Inisiatif ini telah dilaksanakan mulai 15 Ogos 2023 melalui kaedah pemberian *credit shell* di mana syarikat penerbangan akan mengeluarkan baucar digital bernilai RM300 kepada setiap pelajar yang layak untuk ditebus bagi maksud pembelian tiket penerbangan bagi laluan-laluan domestik antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN**  
**NIK ABDUL AZIZ**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah kesan fenomena El Nino yang sedang berlaku dan apakah persiapan untuk menghadapi Monsun Timur Laut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, fasa Monsun Timur Laut (MTL) telah melanda negara bermula 11 November 2023 dan dijangka akan berterusan sehingga bulan Mac 2024. Dalam tempoh ini, empat hingga enam episod hujan lebat dijangka berlaku. Semasa fasa awal MTL dari November 2023 hingga Januari 2024, episod hujan lebat dijangka berlaku di negeri-negeri Pantai Timur, Johor dan barat Sarawak. Namun, sekiranya luruhan monsun yang berlaku adalah kuat dan pada masa yang sama wujud sistem cuaca tekanan rendah, hujan lebat berterusan boleh berlaku di negeri-negeri lain di Malaysia.
  
2. Manakala, pada fasa akhir MTL iaitu Februari hingga Mac 2024, dijangkakan utara Semenanjung, Kelantan, Terengganu, Sabah, Labuan dan utara Sarawak mengalami kurang hujan. Situasi ini berikutan El Nino yang dijangka berterusan hingga pertengahan 2024 dan *Indian Ocean Dipole (IOD)* positif pula dijangka sehingga suku pertama tahun 2024.
  
3. Sebagai persediaan menghadapi musim MTL 2023/2024, Kerajaan telah mengambil tiga langkah berikut:

**a) Pra Bencana**

- i. melaksanakan program simulasi dan sesi libat urus di seluruh negara bagi memantapkan persediaan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN),

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD), Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB), Pos Kawalan Tempat Kejadian (PCTK) dan agensi-agensi tindak balas melalui program simulasi dan sesi libat urus di seluruh negara;

- ii. melaksanakan program *Community Based Disaster Risk Management (CBDRM)* di seluruh negara untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap bencana serta peranan mereka sebagai *initial responder*; dan
- iii. Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) yang beroperasi 24/7 untuk memantau keadaan cuaca secara berterusan dan akan mengeluarkan amaran hujan lebat sekiranya keadaan cuaca bertambah buruk. Di peringkat negeri pula, taklimat-taklimat tinjauan cuaca juga disampaikan kepada agensi-agensi pengurusan bencana masing-masing bagi memastikan kesiapsiagaan untuk menghadapi MTL.

**b) Persediaan Tindak Balas Bencana**

Seramai 61,839 pegawai dan anggota daripada pelbagai cabang agensi Kerajaan di semua peringkat berada dalam keadaan bersiap siaga sepenuhnya dengan sokongan pelbagai aset.

**c) Penyelarasan Pasca Bencana**

Penambahbaikan mekanisme penyelarasan pasca bencana meliputi bantuan awal, pembersihan, dan bantuan pasca bencana kepada mangsa (termasuk bantuan kewangan dan pembaikan segera kerosakan infrastruktur). Ini termasuk meningkatkan kerjasama antara JPBN dan JPBD bersama NGO berkaitan penyelarasan pengurusan bantuan.

4. Bagi memastikan tindakan seberapa segera diambil apabila berlakunya sebarang kejadian bencana, Mesyuarat JPBP Bilangan 2 Tahun 2023 telah mengarahkan supaya JPBD diaktifkan dan peranannya di semua lokasi bencana diperkasakan. Di samping itu, semua JPBN dan JPBD juga diarahkan bersedia lebih awal untuk memastikan bantuan bekalan sampai ke lokasi yang terlibat bagi mengelakkan keadaan lebih sukar sekiranya jalan terputus dan sebagainya.
5. Bagi tujuan pengoperasian bencana MTL 2023/2024, sebanyak RM323.63 juta akan diperuntukkan kepada JPBN untuk kegunaan 160 buah daerah di bawah semangat Malaysia Madani bagi mengurangkan kesukaran dalam menguruskan bencana MTL saban tahun dan memastikan kebajikan rakyat yang terjejas sentiasa terpelihara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' (DR.) ARMAN AZHA BIN ABU HANIFAH**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATO' (DR.) ARMAN AZHA BIN ABU HANIFAH** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status terkini tentang penarikan subsidi ayam yang diumumkan baru-baru ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, pelepasan kawalan harga sementara ayam adalah bertujuan supaya pasaran tempatan boleh berfungsi semula dengan bebas dalam memastikan keterjaminan bekalan ayam dan telur di pasaran. Langkah ini akan membolehkan subsidi secara pukal yang diberikan kepada pengeluar bagi mengawal harga ayam dan telur yang meningkat naik pada tahun-tahun sebelum ini dapat diagihkan dan disasarkan semula secara terus kepada golongan yang lebih memerlukan yang telah dikenal pasti melalui peningkatan peruntukan bantuan tunai.

Pada masa ini, bekalan ayam mencukupi di pasaran dan harga ayam yang ditawarkan di pasaran tempatan masih lagi stabil malah lebih rendah di sesetengah kawasan. Bagi memastikan bekalan ayam kekal stabil di pasaran dan mudah diakses oleh rakyat selepas penamatan subsidi, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) melaksanakan langkah intervensi berikut:

- (i) melaksanakan sesi libat urus dengan pihak industri ayam bagi memantau status bekalan di peringkat ladang adalah mencukupi;
- (ii) meningkatkan pemantauan wabak penyakit di peringkat ladang serta langkah pencegahan dan kawalan penyakit;
- (iii) meneruskan pemansuhan *Approved Permit (AP)* bagi ayam bulat dan keratan ayam mulai 18 Mei 2022; dan

- (iv) melaksanakan Jualan Agro MADANI dan di premis-premis jualan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

KPKM turut mendaraskan langkah jangka sederhana dan panjang seperti berikut:

- (a) Jangka masa sederhana:

- (i) menjalinkan kerjasama dengan syarikat swasta, syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), koperasi dan sebagainya yang berminat melabur dalam pembangunan industri jagung bijian yang merupakan sumber bahan utama mentah bagi industri penternakan ayam; dan
- (ii) mewujudkan ladang kontrak dengan usahawan-usahawan jagung bijian dan syarikat-syarikat pemprosesan jagung bijian.

- (b) Jangka masa panjang:

- (i) bantuan modal pusingan kepada penternak kecil berkapasiti 5,000 ekor melalui Skim Pinjaman Mikrokredit;
- (ii) menjalankan kajian bagi menghasilkan bahan mentah gantian dari sumber tempatan berdasarkan isirung sawit seperti PKC/PKE; dan

**NO SOALAN: 42**

- (iii) menawarkan pinjaman mudah melalui Agrobank sebanyak RM300 juta kepada penternak ayam melalui Dana Pembiayaan Agromakanan untuk bantuan modal pusingan kewangan dan modenisasi sistem ternakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK BOBBEY BIN SUAN**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATUK BOBBEY BIN SUAN** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha-usaha yang telah dan akan dilakukan bagi meningkatkan kesedaran rakyat tentang kepentingan melakukan pengasingan sampah mengikut kategori agar proses pelupusan sampah dan kitar semula lebih berkesan dan selamat kepada penduduk sekitar.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah memperkenalkan inisiatif Pengasingan Sisa Pepejal di Punca (*Separation at Source, SAS*) bermula pada 1 September 2015 dan dikuatkuasakan secara mandatori pada 1 Jun 2016 secara serentak di tujuh (7) buah negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah dan Perlis.

Tujuan pelaksanaan SAS ini adalah untuk menyemai budaya mengasingkan sisa pepejal mengikut kategori bagi mengurangkan jumlah sisa pepejal dihantar ke tapak pelupusan dan membantu meningkatkan jangka hayat tapak pelupusan tersebut. Menerusi penguatkuasaan SAS ini, setiap isi rumah hendaklah mengasingkan sisa pepejal mengikut kategori yang ditetapkan iaitu:

- i. sisa baki - sisa dapur, sisa makanan, bahan kotor dan lampin pakai buang;
- ii. sisa kitar semula – plastik, kertas dan lain-lain; dan
- iii. sisa pukal dan sisa kebun/taman.

Sehubungan itu, KPKT melalui SWCorp telah dan sedang melaksanakan pelbagai usaha untuk mempertingkatkan kesedaran rakyat tentang pentingnya melakukan pengasingan sisa pepejal mengikut kategori. Inisiatif ini merangkumi program-program kesedaran awam dan pendidikan yang berorientasikan komuniti dengan penglibatan pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Antara program-program yang dilaksanakan oleh SWCorp di negeri di bawah Akta 672 adalah seperti berikut:

- a) Program *Trash to Cash*;
- b) Modul Latihan Kelab Kitar Semula;
- c) Pertandingan Kitar Semula Sekolah-sekolah (PerKISS);
- d) Pertandingan *Waste To Art*/ Pertandingan Reka Bentuk *From Waste To Wealth Innovation* Tahun 2023 (WAWI);
- e) Kempen Hargai Makanan Elak Pembaziran;
- f) Kempen Pembitaraan Amalan 3R dan Budaya Kebersihan di Pejabat Kerajaan dan Swasta;
- g) Program *World Cleanup Day*;
- h) Sambutan Hari Kitar Semula ; dan
- i) Inisiatif Komuniti Sifar Sisa (KOSIS).

Di samping itu, program libat urus bersama penghuni premis bertanah turut diadakan bagi tujuan memberikan penerangan mengenai pelaksanaan SAS dalam memastikan masyarakat lebih bertanggungjawab membuat pengasingan sisa mengikut kategori. Menerusi penguatkuasaan pada 1 Jun 2016, mana-mana premis yang didapati gagal mengasingkan sisa pepejal mengikut kategori yang ditetapkan akan berdepan dengan tindakan undang-undang.

## **NO SOALAN: 43**

Sejak pelaksanaan inisiatif SAS pada 1 September 2015 sehingga Oktober 2023, sebanyak 25,397.22 tan sisa kitar semula telah diasingkan dan dikitar semula. Ini bermakna, sebanyak lebih 25 ribu tan sisa kitar semula telah berjaya diselamatkan daripada dilupus terus di tapak pelupusan. Secara tidak langsung, keberhasilan pelaksanaan pengasingan sisa dapat mendidik masyarakat di negara ini untuk menguruskan sisa pepejal secara berhemah dan meningkatkan budaya amalan 3R (*Reduce, Reuse dan Recycle*) dalam kalangan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' KESAVADAS A/L**  
**A. ACHYUTHAN NAIR**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATO' KESAVADAS A/L A.ACHYUTHAN NAIR** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Perbadanan Stadium Malaysia pada hakikatnya mewujudkan prosedur pematuhan kepada penganjur acara memandangkan terdapat banyak aduan berkenaan kecelaruan sistem tempat duduk penonton di samping berlaku kelewatan persembahan ketika penganjuran konsert Muse di Stadium Nasional pada akhir Julai lalu.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Yang Berhormat dan dewan yang dimuliakan, Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) mempunyai Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam pengurusan acara yang perlu dipatuhi oleh pihak penganjur. Walau bagaimanapun, SOP ini tidak merangkumi penjualan tiket, penyelarasan tempat duduk dan tempoh masa permulaan sesuatu acara kerana perkara ini adalah di bawah tanggungjawab pihak penganjur.

Bagi penganjuran sesuatu acara, pihak penganjur akan melantik agen jualan tiket bagi mengendalikan penjualan tiket. Justeru tempat duduk penonton adalah merujuk kepada zon atau kategori harga tiket yang ditetapkan oleh penganjur dan agen jualan tiket yg dilantik.

Walau bagaimanapun PSM dari masa ke semasa akan sentiasa memberikan khidmat nasihat yang sewajarnya kepada penganjur acara terutamanya berhubung aspek keselamatan, kebersihan, kawalan penonton, aliran trafik, penggunaan ‘venue’, jumlah tempat duduk, ‘seating plan’ dan lain lain yang berkaitan jika perlu. PSM juga akan mengadakan mesyuarat penyelarasan teknikal sebelum sesuatu acara berlangsung yang melibatkan penganjur, Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Prasarana, pengendali ruang parkir, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Unit Trafik dan Bomba bagi memastikan setiap acara dapat berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. WAN MARTINA BINTI WAN**  
**YUSOFF**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DR. WAN MARTINA BINTI WAN YUSOFF** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan terhadap isu Palestin dan apakah bentuk bantuan yang telah diberikan kepada rakyat Palestin sehingga kini.

**JAWAPAN**

**YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN  
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI  
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Wan Martina Wan Yusoff atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Pihak Kerajaan telah beberapa kali mengulas mengenai konflik Israel-Palestin ini termasuk semasa sesi perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan di peringkat Dewan Rakyat. Isu ini telah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri I serta sesi MQT yang dijawab oleh saya sendiri dan sesi Kamar Khas yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Luar Negeri.

3. Ingin saya tegaskan sekali lagi bahawa pendirian Malaysia tentang isu Palestin tidak berubah sama sekali dan sentiasa kekal sejak dahulu lagi. Malaysia sentiasa menyokong pengembalian hak mutlak bebas kepada rakyat Palestin daripada pendudukan haram Israel, pengembalian hak tanah yang telah dirampas dan hak membentuk sebuah negara Palestin yang merdeka dan berdaulat berdasarkan garis sempadan pra-1967, dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu negara.

4. Saya juga ingin mengulangi pendirian Kerajaan bahawa Malaysia secara tegas menolak sebarang usaha atau pun kenyataan bahawa Malaysia akan menyertai Perjanjian Abraham atau normalisasi hubungan dengan Israel.
5. Malaysia merupakan antara negara yang sentiasa terkehadapan dan lantang dalam menyuarakan isu Palestin di pelbagai platform antarabangsa. Usaha-usaha berterusan serta sokongan Malaysia terhadap negara Palestin boleh dilihat dengan jelas melalui kenyataan-kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Mesyuarat Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC), Sidang Kemuncak ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (ASEAN-GCC Summit) dan Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) baru-baru ini.

**Tuan Yang di-Pertua,**

6. Kerajaan sentiasa prihatin dalam menyalurkan bantuan dalam pelbagai bentuk bagi membantu meringankan beban penderitaan rakyat Palestin. Susulan kepada pertemuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Presiden Mesir di Kaherah pada 22 Oktober 2023, satu persefahaman mengenai kaedah bantuan penyaluran bantuan kemanusian untuk penduduk Gaza telah dicapai antara kedua-dua Kerajaan. Kaedah yang dipersetujui adalah bagi penyaluran bantuan kemanusiaan ke Gaza, ia perlu dimajukan kepada Kerajaan Mesir terlebih dahulu bagi pertimbangan dan semakan. Ini bagi membolehkan pihak Mesir meneliti barang yang ingin dihantar untuk memastikan ia boleh disampaikan ke penduduk Gaza.

## **NO SOALAN: 45**

7. Proses ini amat rumit dan memerlukan butiran/*manifest* lengkap disediakan oleh setiap penyumbang khususnya bagi urusan semakan di pintu masuk di Gaza oleh pihak Israel. Setelah kelulusan diperolehi, proses penghantaran akan diuruskan oleh Bulan Sabit Merah Mesir selaku Agensi Pelaksana Tunggal bagi menyalurkan bantuan kemanusiaan ke penduduk Gaza melalui pintu lintasan Rafah-Gaza.
8. Menerusi Ops Ihsan misalnya, Kerajaan menerusi kolaborasi unik bersama dengan lebih daripada 50 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) telah berjaya menghantar bantuan kemanusiaan ke Gaza menerusi dua buah pesawat kargo pada 3 dan 10 November 2023. Kedua-dua penerbangan sewaan khas ini dibiayai oleh Kerajaan Malaysia melalui Surat Kebenaran Belanja, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM1.9 juta.
9. Selain itu, Kerajaan juga turut membantu menyalurkan sumbangan kemanusiaan melalui dana yang dikumpul daripada sumbangan awam. Ia dilaksana melalui Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP) yang dikendalikan oleh Kementerian Luar Negeri. Menerusi AAKRP, sumbangan awal sebanyak RM10 juta telah disalurkan kepada Agensi Kerja dan Bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian Palestin (UNRWA) bagi membantu rakyat Gaza yang terkesan teruk akibat serangan Israel.

**NO SOALAN: 45**

10. Sebagai negara yang sentiasa lantang dalam memperjuangkan nasib rakyat Palestin yang sentiasa ditindas, Malaysia akan terus komited dalam memberikan sokongan kemanusiaan dan pembangunan kepada Palestin. Bantuan dari Kerajaan adalah merentasi segala aspek baik segi politik, ekonomi dan penyaluran bantuan kewangan, pembangunan kapasiti, termasuk pembangunan semula infrastruktur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK RAZALI BIN IDRIS**

**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATUK RAZALI BIN IDRIS** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan langsung asing (FDI) yang diterima dan direalisasikan dari tahun 2020, 2021, 2022 dan 10 bulan pertama di Terengganu dan jumlah pekerjaan yang diwujudkan melalui pelaburan berkenaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh tahun 2020 hingga Jun 2023, Terengganu telah berjaya menarik jumlah pelaburan langsung asing (FDI) diluluskan sebanyak RM6 billion merangkumi sektor perkilangan dan perkhidmatan di bawah seliaan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) melalui Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Pelaburan ini melibatkan 12 projek dan dijangka bakal mewujudkan sejumlah 3,712 peluang pekerjaan.

Daripada jumlah yang diluluskan tersebut, sebanyak enam projek di dalam sektor perkilangan telah **direalisasikan** dengan jumlah pelaburan langsung asing sebanyak RM3.3 bilion. Keenam-enam projek tersebut adalah dalam industri perkilangan iaitu produk logam asas, jentera dan peralatan serta kimia dan produk kimia. Projek-projek ini telah mewujudkan sebanyak 3,129 pekerjaan.

Kelazimannya, pelaksanaan projek mengambil masa satu hingga dua tahun untuk direalisasikan. Ini bergantung kepada skala projek dan keadaan ekonomi semasa. Projek yang telah direalisasi adalah merujuk kepada projek yang telah memulakan operasi, sedang dalam pembinaan bangunan dan kilang atau sedang memasang mesin dan peralatan.

Kerajaan komited untuk memastikan setiap pelaburan yang diluluskan dapat dilaksanakan dengan segera, dan seterusnya memberi kesan limpahan positif kepada negara dan rakyat menerusi penjanaan peluang perniagaan, pemindahan pengetahuan, kemahiran dan teknologi.

**NO SOALAN: 46**

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN**  
**YUSOF**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan hubungan dengan Amerika Syarikat dan negara yang pro-Israel setelah Malaysia mengambil sikap yang tegas dalam isu Palestin.

**JAWAPAN**

**YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN  
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI  
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Dalam hubungan antarabangsa, adalah menjadi norma untuk sesebuah negara menyatakan pandangan dan pendirian mahupun melobi untuk mendapatkan sokongan atau membuat gesaan terhadap sesuatu isu.
3. Sebagai sebuah negara berdaulat, Malaysia tidak pernah berasa gentar dalam menyatakan pandangan negara, khususnya mengenai isu Palestin ini. Sejak dari dahulu lagi, Malaysia telah menyuarakan pandangan tegasnya, baik di peringkat dua hala mahupun melalui pelbagai platform serantau dan antarabangsa seperti Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
4. Sebagai salah sebuah negara yang lantang memperjuangkan hak Palestin serta mengutuk kekejaman Zionis, pendirian Malaysia ini kadang-kala mengundang kritikan mahupun tekanan daripada segelintir

negara-negara pro-Israel. Walau bagaimanapun, ketegasan Malaysia dalam isu ini tidak seharusnya menjelaskan hubungan diplomatik dengan negara-negara tersebut.

5. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hubungan dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat khususnya, kekal pada tahap yang amat baik. Amerika Syarikat kekal merupakan rakan dagang ketiga terbesar Malaysia. Hubungan baik ini juga dapat dibuktikan dengan kejayaan Malaysia menarik nilai pelaburan sebanyak RM63.02 billion sewaktu lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Mesyuarat Ke-30 Pemimpin-Pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di San Francisco, California pada 15-17 November 2023 yang lalu. Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Amerika Syarikat tersebut juga merupakan kali kedua pada tahun ini, selepas lawatan beliau ke Sesi ke-78 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York dari 20 hingga 24 September 2023. Malaysia dan Amerika Syarikat juga akan menyambut ulang tahun Perkongsian Komprehensif Ke-10 pada tahun 2024.

6. Dalam hal ini, Malaysia mengambil pendekatan yang pragmatik untuk mengekalkan hubungan serta kerjasama dua hala yang baik dengan semua negara. Hubungan diplomatik yang baik dengan Amerika Syarikat dan negara-negara lain dapat dimanfaatkan oleh Malaysia bagi menzahirkan pendirian negara berhubung isu Palestin dan seterusnya menggesa negara-negara berkenaan untuk memberi tekanan kepada pihak Israel. Negara-negara tersebut juga rata-ratanya menghormati pendirian Malaysia dan mengambil maklum bahawa prinsip dan pendirian Kerajaan dalam isu ini adalah sesuatu yang telah didukung sekian lama oleh Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua,**

7. Malaysia akan terus lantang menyatakan sokongan dan solidariti kepada Palestin. Malaysia juga akan terus menggesa supaya usaha segera dapat diambil untuk menamatkan kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin di Gaza dan seterusnya menyeru seluruh masyarakat antarabangsa untuk mencari penyelesaian segera konflik Palestin-Israel ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN**

**: LISAN**

**DARIPADA**

**: YB DATO' DR. AHMAD AZAM BIN  
HAMZAH**

**TARIKH**

**: 12 DISEMBER 2023**

**DATO' DR. AHMAD AZAM BIN HAMZAH** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci statistik dan status pencapaian sasaran Kementerian dalam mengurangkan nisbah mortaliti ibu bersalin dan mortaliti neonatal di peringkat global

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Nisbah kematian ibu (*Maternal Mortality Ratio*, MMR) merupakan indikator Matlamat Pembangunan Lestari, *Sustainable Developmet Goals* (SDG). SDG telah mensasarkan sasaran global MMR ialah kurang daripada 70 setiap 100,000 kelahiran hidup menjelang tahun 2030.
2. Bagi Malaysia pula, sasaran MMR menjelang 2030 ialah kurang daripada 19.1 kematian bagi setiap 100,000 kelahiran hidup.
3. Rekod menunjukkan penurunan yang signifikan dari 201 pada tahun 1963 kepada 24.4 per 100,000 kelahiran hidup pada tahun 2000. Walau bagaimanapun, tren MMR mula mendatar dengan kadar penurunan yang kecil bermula tahun 2000 sehingga tahun 2022. Pada tahun 2021, berlaku kenaikan mendadak MMR kepada 68.2 per 100,000 kelahiran hidup, yang disebabkan oleh komplikasi jangkitan COVID-19. Jangkitan COVID-19 telah menyumbang 57% kepada seluruh statistik kematian ibu pada tahun tersebut. Data terkini MMR pada tahun 2022 ialah 26.0 per 100,000 kelahiran hidup.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kadar kematian bayi baru lahir (*Neonatal Mortality Rate*, NMR) merupakan subset kepada komponen kadar kematian kanak-kanak bawah 5 tahun yang merupakan indikator Matlamat Pembangunan Lestari, *Sustainable Developmet Goals* (SDG). SDG telah

mensasarkan untuk menamatkan kematian neonatal dan kematian kanak-kanak bawah 5 tahun menjelang tahun 2030. Semua negara disasarkan untuk mengurangkan kematian neonatal kepada sekurang-kurangnya 12 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup serta sekurang-kurangnya serendah 25 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup untuk kematian kanak-kanak bawah 5 tahun.

5. Secara amnya, Malaysia telah mencapai sasaran SDG Tahun 2030 bagi mengurangkan kematian neonatal, dimana kadar terkini pada tahun 2022 kematian neonatal adalah 4.2 bagi setiap 1000 kelahiran hidup. Walaupun Malaysia telah menunjukkan penurunan kematian neonatal secara mendadak sejak tahun 1990 serta telah mencapai sasaran SDG setanding dengan pencapaian negara-negara maju, tetapi tren kematian adalah mendatar sejak tahun 2000. Justeru, di peringkat KKM, sasaran pada tahun 2030 adalah untuk mengurangkan lagi kematian neonatal kepada 4.1 kematian bagi setiap 1,000 kelahiran hidup.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATIN ROS SURYATI BINTI ALANG**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATIN ROS SURYATI BINTI ALANG** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil dan bantuan yang dihulurkan oleh Kerajaan bagi meredakan serta menyelesaikan ketegangan yang berlaku di Asia Barat terutamanya dalam krisis perang Israel dan Palestin seperti yang berlaku sekarang.

**JAWAPAN**

**YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN  
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI  
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datin Ros Suryati Alang atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Kerajaan sentiasa prihatin dalam menyalurkan bantuan dalam pelbagai bentuk bagi membantu meringankan beban penderitaan rakyat Palestin. Susulan kepada pertemuan YAB Perdana Menteri dengan Presiden Mesir di Kaherah pada 22 Oktober lalu, satu persefahaman mengenai kaedah bantuan penyaluran bantuan kemanusiaan untuk penduduk Gaza telah dicapai antara kedua-dua Kerajaan. Kaedah yang dipersetujui adalah bagi penyaluran bantuan kemanusiaan ke Gaza, ia perlu dimajukan kepada Kerajaan Mesir terlebih dahulu bagi pertimbangan dan semakan. Ini bagi membolehkan pihak Mesir meneliti barang yang ingin dihantar untuk memastikan ia boleh disampaikan ke penduduk Gaza.

3. Proses ini amat rumit dan memerlukan butiran/*manifest* lengkap disediakan oleh setiap penyumbang khususnya bagi urusan semakan di pintu masuk di Gaza oleh pihak Israel. Setelah kelulusan diperolehi, proses penghantaran akan diuruskan oleh Bulan Sabit Merah Mesir

selaku Agensi Pelaksana Tunggal bagi menyalurkan bantuan kemanusiaan kepada penduduk Gaza melalui pintu lintasan Rafah-Gaza.

4. Menerusi Ops Ihsan misalnya, Kerajaan menerusi kolaborasi unik bersama dengan lebih daripada 50 Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) telah berjaya menghantar bantuan kemanusiaan ke Gaza menerusi dua buah pesawat kargo pada 3 dan 10 November 2023. Kedua-dua penerbangan sewaan khas ini dibiayai oleh Kerajaan Malaysia melalui Surat Kebenaran Belanja, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dengan jumlah kos keseluruhan sebanyak RM1.9 juta.
5. Selain itu, Kerajaan juga turut membantu menyalurkan sumbangan kemanusiaan melalui dana yang dikumpul daripada sumbangan awam. Ia dilaksana melalui Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin (AAKRP) yang dikendalikan oleh Kementerian Luar Negeri. Menerusi AAKRP, sumbangan awal sebanyak RM10 juta telah disalurkan kepada Agensi Kerja dan Bantuan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Pelarian Palestin (UNRWA) bagi membantu rakyat Gaza yang terkesan teruk akibat serangan Israel.
6. Sebagai negara yang sentiasa lantang dalam memperjuangkan nasib rakyat Palestin yang sentiasa ditindas, Malaysia akan terus komited dalam memberikan sokongan kemanusiaan dan pembangunan kepada Palestin. Bantuan dari Kerajaan adalah merentasi segala aspek baik segi politik, ekonomi dan penyaluran bantuan kewangan, pembangunan kapasiti, termasuk pembangunan semula infrastruktur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**TUAN MOHD HASBIE BIN MUDA** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan rasional Kerajaan mengumumkan kenaikan harga lantai padi dari RM1,200.00 kepada RM1,300.00 tetapi tidak menaikkan harga jualan beras tempatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan harga lantai belian padi daripada RM1,200 per tan metrik kepada RM 1,300 per tan metrik semasa pembentangan Belanjawan 2024. Rasional bagi kenaikan ini adalah bagi membantu meningkatkan pendapatan kira-kira 240,000 pesawah.

Walau bagaimanapun, Kerajaan masih mengekalkan harga runcit maksimum bagi beras putih tempatan (BPT) pada RM2.60 sekilogram. Dengan mengambil kira perkembangan yang berlaku dalam industri beras global sejak kebelakangan ini kepada negara, Kerajaan sedang meneliti secara terperinci keperluan untuk menaikkan harga siling baharu BPT. Sebarang keputusan kenaikan harga ini perlu mengimbangi keperluan meningkatkan pendapatan pesawah, kesan kepada rantai industri padi dan beras serta pada masa yang sama memastikan harga jualan beras tempatan adalah berpatutan untuk pengguna.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN ABUN SUI ANYIT**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**TUAN ABUN SUI ANYIT** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah status jalan raya di Daerah Belaga yang telah dibina di bawah inisiatif Kementerian iaitu Jalan Jiwa Murni dari Menjawah ke Belaga dan dari Belaga ke Nanga Merit. Adakah Kerajaan berhasrat menaik taraf jalan sedia ada ini kepada jalan berstatus lebih baik dan bilakah ia bakal dilaksanakan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Projek Jiwa Murni membina jalan dari Menjawah ke Belaga sepanjang 38 km yang melibatkan kos sebanyak RM62 juta telah siap sepenuhnya pada 15 Ogos 2013 dan tamat tempoh *Defect Liability Period* (DLP) pada 15 Ogos 2015. Projek ini telah diserahkan kepada kerajaan negeri Sarawak melalui Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri (SIMU) dan JKR Negeri Sarawak. Selepas penyerahan, kerja-kerja menaik taraf jalan sedia ada adalah di bawah tanggungjawab kerajaan negeri Sarawak.
2. Manakala Projek Jiwa Murni bagi pembinaan jalan dari Belaga ke Nanga Merit sepanjang 130 km yang melibatkan kos berjumlah RM316 juta telah mengalami kelewatan atas faktor-faktor berikut:

**i. Sekatan Jalan Oleh Penduduk Kampung di Kawasan Metah.**

Pada 31 Januari 2023, penduduk dari 4 buah rumah panjang di Kawasan Metah telah mengenakan sekatan di kawasan tapak bina yang melibatkan jarak sekatan sejauh 12 km. Jalan yang dikenakan sekatan ini masih boleh dilalui dan hanya kerja-kerja *premix* yang belum disiapkan. Sekatan ini telah menyebabkan pihak kontraktor tidak dapat melaksanakan kerja di tapak sehingga melebihi 8 bulan. Pelbagai usaha telah dilaksanakan dan menemui jalan buntu bagi melaksanakan kerja di kawasan sekatan berkenaan.

**ii. Sekatan Jalan Oleh Penduduk Kampung di Kawasan Jambatan Sungai Punan Sama**

Pada 8 Februari 2023, pihak kontraktor mendapati penduduk kampung telah membuat sekatan di kawasan Jambatan Sungai Punan Sama. Pihak kontraktor tidak dapat melaksanakan kerja di tapak apabila sekatan dikenakan dan pembinaan di kawasan ini telah tertangguh selama lebih kurang 7 bulan. Pelbagai pihak telah membantu untuk berbincang dengan penduduk kampung bagi meneruskan pembinaan. Pejabat Daerah Belaga pada 25 Ogos 2023 secara rasmi memaklumkan bahawa penduduk bersetuju untuk meneruskan pembinaan di kawasan ini. Pada ketika ini, kerja-kerja di tapak giat dilaksanakan oleh pihak kontraktor.

3. Berdasarkan kepada faktor kelewatan di atas, Jawatankuasa Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT) yang bersidang pada 17 November 2023 telah meluluskan permohonan Lanjutan Masa Keenam. Justeru, tarikh siap projek yang baharu telah dilanjutkan kepada 15 September 2024. Sehingga 31 Oktober 2023, kemajuan keseluruhan projek adalah pada tahap 90% dan projek dijangka dapat disiapkan sepenuhnya mengikut tarikh baru siap seperti yang ditetapkan oleh EOT.

4. Projek pembinaan jalan dari Nanga Merit ke Jambatan Sungai Baleh sepanjang 60 km yang melibatkan kos berjumlah RM148 juta pula mengalami kelewatan atas faktor-faktor berikut:

**i. Pemasangan Paip oleh Kontraktor Jabatan Bekalan Air  
Luar Bandar (JBALB)**

Pada 20 Januari 2022, kontraktor JBALB telah melakukan kerja pemasangan paip di atas jalan PJM yang telah siap dilaksanakan. Pemasangan paip ini telah menyebabkan kerosakan *road formation* dan *soil stabilizer* sepanjang 5.2 km kepada jalan berkenaan. Isu ini telah menyebabkan kerosakan kepada jalan sedia ada, dan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Hasil kerjasama dengan Unit Pemantauan Pelaksanaan Sarawak (SIMU) dan Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU) Sarawak, isu ini telah dapat diselesaikan dan pihak JBALB bersetuju untuk menanggung kos kerosakan jalan PJM ini. Jalan telah siap dibaiki sepenuhnya pada 8 Mei 2023.

5. Disebabkan oleh faktor kelewatan tersebut, Jawatankuasa Kelambatan dan Lanjutan Masa (EOT) yang bersidang pada 11 Ogos 2023 telah meluluskan permohonan Lanjutan Masa Ketujuh ke atas projek pembinaan jalan dari Nanga Merit ke Jambatan Sungai Baleh. Sehingga 30 September 2023, kemajuan keseluruhan adalah 98% dan projek dijangka dapat disiapkan sepenuhnya pada pertengahan tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DR. LINGESHWARAN A/L DATO'  
SERI R. ARUNASALAM**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DR. LINGESHWARAN A/L DATO' SERI R. ARUNASALAM** minta  
**MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- a) jumlah dan peratusan daripada kumpulan Senarai Pekerjaan Kritikal (*Critical Occupation List*) 2023 yang telah dipelawa balik ke Malaysia untuk berkhidmat menerusi program TalentCorp; dan
- b) KPI dan perancangan TalentCorp bagi perkara ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

1. Jumlah warga negara Malaysia yang telah pulang ke tanah air dari tahun 2011 hingga September 2023 adalah seramai 4,429 orang. Daripada jumlah tersebut, 1,711 orang atau 38.6 peratus yang telah dipelawa balik ke Malaysia untuk berkhidmat menerusi program TalentCorp adalah terdiri daripada kumpulan Senarai Pekerjaan Kritikal *Critical Occupation List (COL)*.
2. Pada tahun 2023, TalentCorp telah menetapkan Key Performance Indicator (KPI) untuk program ini ada 300 kelulusan.
3. Selain program berasaskan COL, sejak 2011 sehingga kini, TalentCorp melalui Program Kepulangan Pakar (REP) telah menerima lebih daripada 10,000 permohonan daripada golongan profesional Malaysia atau diaspora yang menetap di luar negara untuk kembali ke tanah air dengan purata permohonan konsisten adalah di antara 400 ke 500 setahun. Daripada jumlah ini lebih 6,000 orang pakar telah diluluskan di bawah inisiatif ini.
4. Menyedari perkembangan globasisasi di mana perbincangan *brain drain* kini telah berevolusi kepada *brain circulation*, usaha TalentCorp melibatkan diaspora kini diperluaskan melangkaui usaha untuk memudahkan cara kepulangan mereka kepada mengoptimumkan sumbangan mereka walau di mana mereka berada. Satu struktur yang strategik telah dibangunkan di bawah inisiatif Malaysia @ Heart atau MyHeart untuk merealisasikan aspirasi ini. Platform MyHeart ini telah go-

live pada 31 Mac 2023. Pelaksanaan MyHeart ini akan turut merangkumi pelbagai usaha untuk memudahcara diaspora Malaysia yang merangkumi peluang pekerjaan, pendidikan untuk anak-anak, peluang untuk berkolaborasi dengan institusi tempatan, usaha mudahcara permit masuk pasangan dan anak-anak bukan warga negara, maklumat pasaran kerja dan sebagainya

5. Pembangunan inisiatif ini adalah berdasarkan kepada hasil dapatan kaji selidik yang telah dilaksanakan dalam kalangan diaspora Malaysia pada awal 2021 di mana 92 peratus daripada diaspora bersedia untuk menyumbang kepada negara dalam pelbagai kapasiti, manakala 85 peratus lagi bersedia untuk kembali ke Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN RODERICK WONG SIEW**  
**LEAD**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**TUAN RODERICK WONG SIEW LEAD** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menggalakkan pembelian kereta elektrik (EV) dan sama ada kemudahan pengecas kereta elektrik dalam negara adalah mencukupi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan menerusi Jawatankuasa Pemandu EV Kebangsaan (*National EV Steering Committee – NEVSC*) dan Pasukan Petugas EV Kebangsaan (*National EV Task Force – NEVTF*) akan terus komited di dalam melaksanakan peranan dan fungsi dalam membuat keputusan, merangka dan melaksanakan program dan inisiatif bagi menggerakkan agenda pembangunan industri EV negara. Usaha ini turut merangkumi pendekatan dalam meningkatkan tahap permintaan dan penggunaan kereta elektrik (EV) serta aspek berkaitan infrastruktur pengecasan yang merupakan faktor penting yang menyokong ekosistem penggunaan EV atas jalan raya.

Selaras dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (*National Energy Transition Roadmap - NETR*), NEVSC pada 23 Oktober 2023 telah bersetuju menetapkan sasaran terkini jualan kenderaan elektrik (xEV) baharu (kereta penumpang dan perdagangan serta motosikal) untuk mencapai sekurang-kurangnya 20% daripada jualan tahunan keseluruhan kenderaan baharu pada tahun 2030, 50% pada tahun 2040 dan 80% pada tahun 2050.

Di antara langkah dan inisiatif yang telah diperkenal dan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menggalakkan pembelian kereta elektrik (EV) adalah seperti berikut:

- i. Memberi pengecualian sepenuhnya duti import dan duti eksais ke atas EV yang diimport dalam bentuk CBU sehingga akhir tahun 2025. Bagi EV yang dipasang secara tempatan pula, tempoh pengecualian duti import dan duti eksais adalah sehingga akhir tahun 2027, dengan tambahan pengecualian sepenuhnya cukai jualan;
- ii. Pengecualian sepenuhnya cukai jalan bagi EV sehingga akhir tahun 2025;
- iii. Pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM2,500 bagi kos pemasangan, sewaan dan pembelian kemudahan pengecasan EV, termasuk sewa-beli peralatan dan yuran langganan; dan
- iv. Potongan cukai kepada syarikat yang menyewa EV dengan jumlah maksimum amanun sewaan yang layak dihadkan tidak melebihi RM300,000.

Dari segi infrastruktur pengecasan, Kementerian dan agensi Kerajaan yang terlibat telah mengambil langkah proaktif untuk menyempurnakan rangkaian infrastruktur pengecasan EV dalam negara, di mana:

- i. Suruhanjaya Tenaga (ST) telah membangunkan *Guide on EV Charging Systems (EVSC)* sebagai satu (1) panduan yang jelas kepada *Charge Point Operator (CPO)* bagi aspek berkaitan penyediaan sistem pengecasan EV;

- ii. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) melalui agensinya *Malaysia Green Technology and Climate Change Corporation* (MGTC) telah membuat perancangan taburan untuk 10,000 unit pengecasan EV di seluruh negara;
- iii. Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menambahbaik proses permohonan kelulusan sedia ada untuk pembangunan pengecasan EV di tepi lebuh raya dan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan memendekkan masa yang diambil untuk pemprosesan permohonan dari pengusaha pengecasan EV (*Charge Point Operator* – CPO); dan
- iv. KPKT melalui PLANMalaysia dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) telah membangunkan satu (1) garis panduan yang komprehensif untuk rujukan industri bagi memastikan pembangunan pengecasan EV oleh CPO dapat dilaksanakan secara lebih sistematik dengan memenuhi aspek keselamatan.

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagai makluman, pada masa ini, bilangan xEV yang telah berdaftar di Malaysia sejak tahun 2011 sehingga 21 September 2023 bagi jenis kenderaan penumpang dan perdagangan adalah sebanyak 119,833 unit, dan untuk motosikal pula adalah sebanyak 4,010 unit. Dari segi komposisi, kenderaan jenis *Battery Electric Vehicle* (BEV) adalah sebanyak 10,671 unit (8.9%) bagi kenderaan penumpang dan perdagangan, manakala motosikal BEV berjumlah 3,627 unit (90.5%). Trend peningkatan penggunaan BEV dapat dilihat pada tahun 2023

(sehingga September), di mana, bilangannya telah mencecah angka 7,500 unit, berbanding 3,400 unit pada tahun 2022 dan angka purata sebanyak 300 unit bagi tahun-tahun yang sebelumnya.

Adalah dijangkakan jumlah penggunaan BEV dijangka akan terus meningkat selaras dengan peningkatan bilangan stesen pengecasan yang merupakan antara faktor penting yang menyokong ekosistem penggunaan EV di jalan raya. Sehingga 21 Oktober 2023, terdapat sebanyak 1,430 unit pengecas EV di seluruh Malaysia berbanding 978 unit pada akhir 2022.

Untuk makluman, taburan stesen pengecasan di seluruh Malaysia adalah seperti berikut:

- i. Selangor: 496 stesen
- ii. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 392 stesen
- iii. Johor: 151 stesen
- iv. Pulau Pinang: 113 stesen
- v. Pahang: 50 stesen
- vi. Perak: 50 stesen
- vii. Melaka: 45 stesen
- viii. Negeri Sembilan: 37 stesen
- ix. Sarawak: 37 stesen
- x. Kedah: 35 stesen
- xi. Terengganu: 7 stesen
- xii. Kelantan: 5 stesen
- xiii. Wilayah Persekutuan Putrajaya: 6 stesen
- xiv. Sabah: 6 stesen

Meskipun taburan bilangan stesen pengecasan semasa mengikut negeri tidak sama di setiap negeri tetapi berdasarkan nisbah satu (1) pengecas untuk enam (6) hingga lapan (8) unit EV yang digunakan oleh MGTC dalam membuat perancangan taburan pengecas EV secara keseluruhan, kemudahan pengecas EV sedia ada dalam negara buat masa ini dilihat mencukupi dengan bilangan EV semasa yang didaftarkan di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN**

**: LISAN**

**DARIPADA**

**: YB TUAN SERUANDI BIN SAAD**

**TARIKH**

**: 12 DISEMBER 2023**

**TUAN SERUANDI BIN SAAD** minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan pelan dan perancangan Kementerian berkaitan Program Rakan Muda di seluruh negara dan juga kaedah bagi meningkatkan penyertaan belia dalam program ini untuk terus memperkasa Rakan Muda.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam pembentangan Bajet 2024 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 13 Oktober 2023 lalu, Rakan Muda telah diperuntukkan sebanyak RM20 juta bagi pelaksanaan program ini di seluruh negara. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) berhasrat untuk merancakkan program Rakan Muda sebagai satu agenda nasional yang merentas kementerian, jabatan dan agensi kerajaan persekutuan dan negeri, selaras dengan keputusan Jemaah Menteri pada 9 Ogos 2023 yang lalu.

Bagi pelaksanaan Rakan Muda tahun 2024, KBS telah membuat perancangan strategik dengan pendekatan program yang lebih menyeluruh melibatkan kerjasama dengan pelbagai Rakan Pelaksana. Beberapa bengkel libat urus bersama pemegang taruh, wakil pelbagai kementerian dan agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan penggiat belia telah diadakan bagi mendapatkan maklum balas dan cadangan penambahbaikan dalam merencanakan program Rakan Muda untuk tahun 2024. KBS juga sedang bekerjasama rapat dengan *Malaysia Industri-Government for High Technology* (MIGHT) dalam menyusun pelan jangka masa panjang dalam memperkasakan Rakan Muda.

Pertambahan jumlah Rakan Pelaksana yang lebih banyak pada tahun 2024 akan dilakukan bagi membolehkan capaian program sampai ke peringkat akar umbi. Melalui kaedah ini, Rakan Muda akan turut dijayakan oleh pelbagai kementerian, NGO, persatuan belia dan sukan, Majlis Belia Malaysia (MBM) dan pelbagai pihak swasta.

## **NO SOALAN: 54**

Di samping itu, Rakan Muda sekolah dan IPT akan kembali diperkasakan di negeri dan daerah melalui kerjasama KPM dan KPT. Sekretariat Rakan Muda (SRM) IPT dan Kelab Rakan Muda (KRM) juga akan turut diberi perhatian untuk kembali bergiat aktif melaksanakan program Rakan Muda. Pelaksanaan program secara online dan media sosial turut akan ditambah bagi mendapatkan lebih ramai peserta dan menepati minat golongan muda masa kini. Sistem ganjaran bersama Rakan Strategik juga akan turut diperluaskan bagi memberi lebih banyak manfaat kepada peserta menyertai program Rakan Muda.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ.**  
**IBRAHIM**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATO' AHMAD BIN DATO' SRI HJ. IBRAHIM** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk memastikan inisiatif Program Pendigitalan Usahawan Desa sampai kepada penduduk luar bandar dan adakah inisiatif ini akan diperluaskan ke semua pelusuk luar bandar seluruh negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi memastikan Program Pendigitalan Usahawan Desa sampai kepada penduduk luar bandar, sememangnya dasar Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) sendiri telah menetapkan bahawa untuk program ini hanya dikhkususkan kepada usahawan-usahawan luar bandar sahaja. Melalui kerjasama dengan agensi-agensi di bawah KKDw sendiri seperti MARA, RISDA, FELCRA, KEMAS, JAKOA dan lima (5) Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) seperti KEDA, PERDA, KETENGAH, KESEDAR dan KEJORA, yang kesemuanya mempunyai kapasiti untuk mengenalpasti usahawan-usahawan desa yang berpotensi di kawasan luar bandar, inisiatif ini akan terus diperluaskan agar merangkumi keseluruhan penduduk di luar bandar. Jumlah Program Pendigitalan Usahawan Desa juga semakin bertambah pada tahun ini berbanding tahun lalu yang melibatkan kesemua negeri di Malaysia. Untuk makluman Yang Berhormat, program ini telah dilaksanakan di tiga (3) lokasi pada tahun 2022 dan enam (6) lokasi pada tahun 2023 melibatkan seramai 2,524 orang usahawan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN**  
**MD RAMLI**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATUK WIRA DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan usaha Kerajaan dalam menangani isu birokrasi ataupun situasi silo yang berlaku antara agensi pemerintah seperti Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang dilihat sebagai salah satu faktor penghalang kepada perkembangan industri halal di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam menjadikan Malaysia sebagai peneraju industri Halal di peringkat global, Pelan Induk Industri Halal 2030 (*Halal Industry Master Plan 2030*) telah dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada Mac 2023 yang memberi tumpuan kepada penghasilan produk dan perkhidmatan halal yang memenuhi kualiti dan standard antarabangsa. Pelan ini mensasarkan kenaikan kadar sumbangan industri halal sebanyak 10.8 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) negara menjelang tahun 2030.

Pihak Kerajaan telah mewujudkan Majlis Pembangunan Industri Halal (MPIH, sebelum ini dikenali sebagai Majlis Halal Malaysia) iaitu sebuah Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri sebagai usaha menangani isu birokrasi ataupun situasi pelaksanaan secara silo yang berlaku antara agensi. Majlis ini diurussetiakan oleh Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) dan dibantu sepenuhnya oleh Halal Development Corporation Berhad (HDC) yang bertanggungjawab untuk mempercepatkan usaha memperkasa pembangunan industri halal negara ke arah lebih berdaya saing serta inklusif. Bagi tujuan ini, MPIH melibatkan keanggotaan daripada 14 Menteri Persekutuan, 13 Ketua Menteri/Menteri Besar, Ketua Setiausaha Negara dan Peguam Negara.

MPIH ini telah bersidang 2 kali untuk tahun 2023 dan antara pencapaianya adalah:

- a. pelancaran Pelan Induk Industri Halal 2030;
- b. pelaksanaan kajian untuk memendekkan tempoh pengeluaran sijil halal;
- c. penyelesaian pemasalahan isu-isu halal di setiap negeri; dan
- d. kerjasama strategik dengan agensi-agensi kerajaan yang mempunyai usahawan halal di bawah bimbingannya.

Bagi pelaksanaan kajian untuk memendekkan tempoh pengeluaran sijil halal, JAKIM telah bekerjasama dengan Malaysia Productivity Corporation (MPC) dan juga Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) mengkaji untuk memendekkan tempoh pengeluaran sijil halal Malaysia daripada 60 hari ke 30 hari. Melalui usaha ini, Pihak Pemeriksa Bebas (PPB) yang berpengalaman diwujudkan bagi membantu permohonan syarikat dengan memeriksa dan memastikan dokumen permohonan lengkap.

PPB ni akan dikawalselia oleh JAKIM dan melaksanakan tugas-tugas mengikut terma rujukan yang sedang disediakan oleh Jawatankuasa Projek Rintis Penyelaras Sijil Halal. Pada masa yang sama, bagi meningkatkan kefahaman mengenai pensijilan Halal di Malaysia, pasukan optik di bawah MyMudah akan mewar-warkan projek penambahbaikan yang sedang dilakukan oleh pihak JAKIM, MITI, MPC dan HDC. Selain dari itu, pasukan optik ini juga berperanan menyebarkan info terkini berkenaan Halal dari masa ke semasa.

**NO SOALAN: 56**

MITI komited untuk bekerjasama dengan Kementerian-kementerian berkaitan di bawah MPIH bagi memastikan industri halal di Malaysia terus mampan dan lebih berdaya saing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**TUAN HAJI HUSSIN BIN ISMAIL** minta **MENTERI PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah untuk meningkatkan kesedaran pemilik premis warga tempatan yang membenarkan warga asing mengendalikan aktiviti perniagaan mereka selain daripada pembatalan lesen perniagaan dan kompaun yang ditetapkan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, Undang-Undang Kecil (UUK) Penjaja dan UUK Tred, Perniagaan dan Perindustrian di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah menetapkan bahawa warga asing adalah tidak dibenarkan untuk memohon/ memiliki lesen penjaja, peniaga kecil, premis perniagaan, kedai runcit, kedai makan, bengkel kereta dan di pasar-pasar. Di bawah UUK Penjaja, PBT tidak mengiktiraf dan membenarkan warga asing sebagai penjaja dan peniaga kecil. Malahan, PBT juga tidak membenarkan penggajian warga asing sebagai pekerja/pembantu di bawah lesen penjaja yang dikeluarkan kepada warganegara yang berniaga di premis PBT. Ini kerana kadar harga sewaan yang ditetapkan oleh PBT adalah di bawah harga pasaran dan bertujuan untuk memberikan peluang perniagaan kepada rakyat tempatan.

Di bawah UUK Tred, Perniagaan dan Perindustrian pula, pengeluaran lesen perniagaan hanya dikeluarkan untuk warganegara Malaysia sahaja dan membenarkan warga asing diambil bekerja sebagai pekerja/ pembantu dengan syarat mereka memiliki pas kerja/ permit dagang yang sah. PBT tidak akan berkompromi dengan sebarang pelanggaran yang jelas terhadap syarat-syarat lesen yang telah dikeluarkan kepada mana-mana perniagaan dan pemegang lesen dan mengambil tindakan tegas secara tindakan sitaan, kompaun, penutupan premis dan pembatalan lesen.

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui PBT amat memandang serius berkenaan perkara ini dan telah melaksanakan pelbagai strategi dalam usaha mengekang isu ini agar tidak berleluasa seperti berikut:

- i. pemohon lesen perlu melampirkan senarai pekerja semasa mengemukakan permohonan lesen dan akan disemak silang semasa pemeriksaan di lapangan;
- ii. pemantauan dan peringatan secara berkala ke atas semua premis perniagaan bagi memastikan pematuhan terhadap syarat lesen perniagaan dan syarat penyewaan yang ditetapkan;
- iii. penguatkuasaan menggunakan mata demerit iaitu mata penalti yang dikenakan bagi ketidakpatuhan syarat penyewaan; dan
- iv. mengeluarkan notis, kompaun, sitaan dan tindakan penamatkan penyewaan serta penarikan/ pembatalan lesen atau permit perniagaan sekiranya PBT mendapati bahawa premis milik PBT telah disewakan kepada warga asing.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat juga, PBT telah melaksanakan sebanyak 1,539 operasi penguatkuasaan terhadap premis perniagaan yang melibatkan warga asing bagi tahun 2022 sehingga 31 Oktober 2023. Sehingga kini, sebanyak 26,108 lesen peniaga telah dibatalkan atas sebab pelanggaran syarat-syarat lesen/ premis yang dikeluarkan melalui PBT.

KPKT melalui PBT juga bersedia untuk memberikan kerjasama yang padu dengan agensi Kementerian lain bagi menjayakan program turun padang sebagai usaha mengekang penularan masalah perniagaan secara haram oleh warga asing menerusi operasi penguatkuasaan bersepadu dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI TI LIAN KER**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATO' SRI TI LIAN KER** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan penubuhan Suruhanjaya Keselamatan Siber dengan kerjasama pihak Kementerian, CyberSecurity Malaysia (CSM) dan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kerajaan telah memutuskan secara dasar bahawa Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) akan terus kekal sebagai agensi di bawah Majlis Keselamatan Negara atau dijadikan sebagai sebuah agensi baharu di bawah Jabatan Perdana Menteri. Oleh yang demikian, cadangan penubuhan Suruhanjaya Keselamatan Siber tidak diteruskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATO' HAJI HUSAIN BIN AWANG** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perancangan Kerajaan dalam menghasilkan lateks keluaran tempatan tanpa bergantung kepada lateks import yang menelan kos sebanyak RM3 bilion setahun.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pihak Kerajaan sentiasa komited untuk melaksanakan perancangan bagi meningkatkan hasil lateks negara dan mengurangkan lateks import. Justeru, Kementerian melalui Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

**Pelan Jangka Masa Pendek**

- i. Pada 23 Oktober 2023, YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perlادangan dan Komoditi telah melancarkan Projek Rintis Model Baharu Insentif Pengeluaran Lateks (IPL) dengan tawaran dan insentif yang lebih menarik untuk pekebun kecil getah dalam usaha meningkatkan pendapatan mereka dan pengeluaran lateks negara.
- ii. Kementerian melalui LGM telah melaksanakan **Projek Rintis Insentif Pengeluaran Lateks** yang ditambahbaik dengan pemberian insentif seperti berikut:
  - a. Kadar Insentif bulanan dinaikkan kepada RM2.00 sekilogram (100% kandungan getah kering) daripada RM1.00 (100% kandungan getah kering);
  - b. Kadar bayaran Insentif Penyertaan berjumlah RM200/bulan dengan tempoh terhad selama 1 tahun;

- c. Kadar bayaran Insentif Galakan berjumlah RM100/bulan dengan tempoh terhad selama 1 tahun; dan
  - d. Insentif Produktiviti berdasarkan produktiviti tahunan yang mencapai sasaran produktiviti 1,000 – 1,499 (kg/ha/tahun) (Kluster 1) dan 1,500 ke atas (kg/ha/tahun) (Kluster 2).
- iii. Usaha ini akan melibatkan pekebun kecil menjual lateks yang dihasilkan terus ke kilang yang mana kos pengangkutan akan dapat dikurangkan dan pekebun kecil akan menerima harga yang lebih baik. Projek rintis ini dilaksanakan di negeri Perak, Kedah dan Sabah.

### **Pelan Jangka Masa Panjang**

- i. Projek rintis IPL ini akan disasar dan diperkembangkan secara berperingkat iaitu:
  - a. Menjalankan kerjasama R&D dengan LGM melalui penukaran progresif kepada pengeluaran lateks premium;
  - b. Menjalankan operasi kontrak pemprosesan (tolling) dengan kilang pemprosesan lateks bagi meningkatkan nilai tambah;
  - c. Mewujudkan hubungan kerjasama perniagaan dengan sektor hiliran pembuatan produk getah berasaskan lateks;
  - d. Penjualan lateks kepada pembeli domestik atau antarabangsa; dan

**NO SOALAN: 59**

- e. Perkongsian keuntungan kepada pusat pengumpulan lateks (PMG). Keuntungan daripada jualan diagihkan kepada PK yang mengambil bahagian melalui PMG.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kementerian mempunyai sebarang perancangan untuk menyekat terus penggunaan beg plastik dan mewajibkan penggunaan beg alternatif yang lebih bersifat mesra alam.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) sentiasa serius dalam isu pengurusan sisa plastik yang boleh mencemarkan alam sekitar, khususnya jika ia tidak diuruskan dengan baik. Oleh yang demikian, bagi memantapkan kaedah pengurusan sisa plastik ini dilaksanakan melalui “Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna 2018-2030 (*Single-use Plastic (SUP) Roadmap*)” dan “*Malaysia Plastics Sustainability Roadmap 2021-2030 (MPSR)*”.
  
2. Untuk makluman, Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) ke-76 pada 18 November 2020 telah bersetuju secara dasar dengan cadangan pelaksanaan “Kempen Tiada Beg Plastik” oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Negara. Melalui kempen ini, premis perniagaan akan mengenakan caj pencemaran kepada pelanggan bagi setiap beg plastik yang dibekalkan kepada pengguna di kaunter pembayaran. Pengenaan caj ini berpandukan kepada prinsip “*user-pay- principle*”. Ini akan menjadi satu bentuk pencegahan dan usaha menghindari penggunaan beg plastik sekali guna yang kerap dibuang secara tidak terkawal. Setakat ini pelaksanaan dilaksanakan secara berfasa seperti pelaksanaan kempen tiada beg plastik percuma dan pengenaan caj pencemaran plastik melibatkan premis tetap sebelum diperluaskan secara berperingkat kepada premis perniagaan lain termasuk pasar malam, warung dan gerai tepi jalan

## NO SOALAN: 60

3. Pihak Kementerian juga sedang meneliti beberapa kaedah yang sesuai bagi mencapai sasaran untuk mengawal penggunaan beg plastik sekali guna. Selain itu, Kementerian masih membuka ruang perbincangan berkenaan kebolehlaksanaan larangan ini bagi memastikan secara idealnya situasi menang-menang atau *win-win situation* kepada semua pihak dan tidak membebankan mana-mana pihak terutamanya pengguna dan pemain industri.
4. Setakat ini, Kerajaan masih belum bercadang untuk menyekat sepenuhnya penggunaan beg plastik secara menyeluruh kerana masih terdapat keadaan dan keperluan tertentu yang dilihat memerlukan penggunaan beg plastik seperti ketika membeli barang basah harian. Penggantian kepada produk alternatif masih memerlukan penelitian buat masa ini supaya penggunaannya nanti adalah praktikal di pasaran serta mesra alam. Untuk makluman, pada Oktober 2023, Kementerian dengan kerjasama SIRIM telah melancarkan satu standard baru bagi produk plastik yang lebih mesra alam. Produk ini boleh dijadikan panduan kepada industri untuk beralih kepada produk mesra alam. Langkah ini juga diharap dapat menggalakkan semua pemain industri dan pakar akademik untuk meneroka lebih banyak lagi produk alternatif yang mesra alam di masa akan datang.
5. Untuk rekod, Kementerian ini amat menghargai inisiatif – inisiatif oleh Kerajaan Negeri, PBT dan pasaraya tertentu yang tidak lagi menawarkan beg plastik di kaunter premis masing-masing sama ada secara menyeluruh atau pada hari-hari tertentu. Pada masa yang sama, Kementerian ini merakamkan penghargaan terhadap usaha yang telah dilaksanakan oleh para pemain industri yang telah menggunakan produk alternatif yang mesra alam dalam menawarkan ganti plastik.

## **NO SOALAN: 60**

Pihak Kerajaan khususnya Kementerian menyeru agar lebih banyak pihak dapat mengambil bahagian secara sukarela untuk menjayakan inisiatif ini

6. Kementerian sentiasa berpendirian bahawa intervensi atau pendekatan secara bersasar adalah amat penting dalam mencapai keseimbangan bagi mengekang pencemaran akibat sisa buangan plastik melalui langkah pencegahan dan pembasmian produk plastik sekali guna yang bermasalah. Ini juga akan seterusnya memaksimakan potensi plastik dalam ekonomi kitaran yang dapat memberikan pulangan pendapatan yang besar kepada negara. Usaha dan kempen kesedaran akan terus dipergiatkan bagi memastikan semua pihak dapat memainkan peranan masing-masing dalam menjayakan matlamat tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN JAZIRI ALKAF ABDILLAH**  
**SUFFIAN**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pelaburan yang sudah dilaksanakan setakat ini, memandangkan nilai mata wang Ringgit (RM) berbanding Dolar (USD) sekarang berada pada tahap yang membimbangkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Walaupun berhadapan dengan isu pertukaran mata wang asing, Kerajaan sentiasa komited dalam mempergiatkan dan mengukuhkan usaha bagi terus menarik pelaburan berkualiti tinggi yang dapat memberi manfaat kepada negara dan rakyat melalui limpahan aktiviti ekonomi, peluang perniagaan dan pekerjaan bagi memastikan Malaysia kekal sebagai sebuah negara berdaya saing.

Secara lazimnya, pelaksanaan projek mengambil masa satu hingga dua tahun untuk direalisasikan bergantung kepada skala projek dan keadaan ekonomi semasa. Projek yang telah direalisasi adalah merujuk kepada projek yang telah memulakan operasi, sedang dalam pembinaan bangunan atau kilang atau sedang memasang mesin dan peralatan.

Bagi tempoh 2018 sehingga Jun 2023, sebanyak 9,201 projek yang berjumlah RM753.9 bilion dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan telah diluluskan di bawah seliaan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) yang akan menjana 455,984 peluang pekerjaan.

Daripada jumlah yang diluluskan tersebut, sebanyak 5,473 projek dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM593.5 bilion telah direalisasikan iaitu lebih 75 peratus dan mewujudkan sebanyak 336,251 pekerjaan.

## **NO SOALAN: 61**

Butiran pecahan pelaburan yang telah direalisasikan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan bagi tempoh 2018 hingga Jun 2023 adalah seperti berikut:

a. Sektor Perkilangan

- i. 3,726 projek perkilangan telah direalisasikan bagi tempoh 2018 hingga Jun 2023 dengan jumlah pelaburan bernilai RM460.6 bilion dan mewujudkan 307,354 pekerjaan; dan
- ii. Lima sektor utama bagi industri perkilangan yang direalisasikan dengan jumlah pelaburan tertinggi adalah produk elektrikal & elektronik (RM224.9 bilion), produk petroleum termasuk petrokimia (RM45 bilion), produk logam asas (RM41.4 bilion), jentera dan kelengkapan (RM22.2 bilion) dan kimia dan produk kimia (RM19.8 bilion).

b. Sektor Perkhidmatan

- i. 1,747 projek perkhidmatan telah direalisasikan bagi tempoh 2018 hingga Jun 2023 dengan jumlah pelaburan bernilai RM132.9 bilion dan mewujudkan 28,897 pekerjaan; dan
- ii. Lima sektor utama bagi industri perkhidmatan direalisasikan dengan jumlah pelaburan tertinggi adalah maklumat dan komunikasi (RM68.6 bilion), pertubuhan global (RM40.7 bilion), perkhidmatan sokongan (RM12.7 bilion), hotel dan pelancongan (RM8.9 bilion) dan perkhidmatan kesihatan (RM2.1 bilion).

Bagi menambahbaik ekosistem pelaburan di Malaysia, kerajaan sedang menyusun semula landskap Agensi Penggalakan Pelaburan (*Investment Promotion Agencies* - IPA) negara dimulai dengan penyelarasan fungsi dan peranan Koridor Ekonomi Wilayah. Langkah ini adalah penting dalam memastikan Malaysia dapat mengoptimumkan sumber sedia ada bagi menjamin penyampaian perkhidmatan IPA yang lebih sistematik dan terurus serta program penggalakkan pelaburan yang lebih berkesan. Dengan penyelarasan landskap IPA negara, usaha untuk menarik pelaburan yang berkualiti akan menjadi lebih berkesan dengan memastikan tiada pertindihan fungsi dan memastikan fasilitasi pelaburan adalah lancar dan teratur.

Selain itu, bagi memperkuatkan lagi ekosistem dan khidmat fasilitasi pelaburan di Malaysia, MITI juga telah mewujudkan Pusat Memudahcara Pelaburan Malaysia atau *Invest Malaysia Facilitation Centre (IMFC)* di Ibu Pejabat MIDA. Pewujudan IMFC ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 November 2023 yang bertujuan untuk mempercepatkan pelbagai proses kelulusan termasuk memberi khidmat rundingan serta nasihat, sekali gus mengurangkan kerenah birokrasi untuk memudahcara perniagaan, khususnya *investor's journey* di sepanjang kitaran ekosistem pelaburan. IMFC ini akan menempatkan pelbagai kementerian dan agensi Kerajaan serta pelbagai kemudahan di bawah satu bumbung, selari dengan Pelan Induk Perindustrian Baharu (*New Industrial Master Plan* - NIIMP) 2030 untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan mesra pelabur dan mesra perniagaan yang terunggul di rantau ini.

## **NO SOALAN: 61**

Di samping itu, MIDA melalui penubuhan TRACK atau Pejabat Pelaksanaan Projek dan Fasilitasi (dahulunya dikenali sebagai PACU) akan memastikan projek-projek pelaburan akan direalisasikan dengan menyediakan khidmat fasilitasi, memudahkan proses kelulusan pada setiap peringkat bagi mempercepatkan pelaksanaan projek pelaburan di dalam negara. Ia seterusnya memberi kesan limpahan positif kepada negara dan rakyat menerusi penjanaan peluang perniagaan, pemindahan pengetahuan, kemahiran dan teknologi serta peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN**  
**CHE SALLEH**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI BIN CHE SALLEH** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah ancaman yang telah dilakukan oleh negara-negara pro-Israel terhadap Malaysia sehingga kini serta apakah strategi Kerajaan untuk menghadapi konsekuensi tersebut supaya tidak memberi kesan yang besar terhadap rakyat dan ekonomi negara.

**JAWAPAN**

**YB DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN  
TIMBALAN MENTERI LUAR NEGERI  
KEMENTERIAN LUAR NEGERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh atas pertanyaan yang dikemukakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

2. Dalam hubungan antarabangsa, adalah menjadi norma untuk sesebuah negara menyatakan pandangan dan pendirian mahupun melobi untuk mendapatkan sokongan atau membuat gesaan terhadap sesuatu isu.

3. Sebagai sebuah negara berdaulat, Malaysia tidak pernah berasa gentar dalam menyatakan pandangan negara, khususnya mengenai isu Palestin ini. Sejak dari dahulu lagi, Malaysia telah menyuarakan pandangan tegasnya, baik di peringkat dua hala mahupun melalui pelbagai platform serantau dan antarabangsa seperti Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN), Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

4. Sebagai salah sebuah negara yang lantang memperjuangkan hak Palestin serta mengutuk kekejaman Zionis, pendirian Malaysia ini kadang-kala mengundang kritikan mahupun tekanan daripada segelintir

negara-negara pro-Israel. Walau bagaimanapun, ketegasan Malaysia dalam isu ini tidak seharusnya menjelaskan hubungan diplomatik dengan negara-negara tersebut.

5. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hubungan dua hala Malaysia dan Amerika Syarikat khususnya, kekal pada tahap yang amat baik. Amerika Syarikat kekal merupakan rakan dagang ketiga terbesar Malaysia. Hubungan baik ini juga dapat dibuktikan dengan kejayaan Malaysia menarik nilai pelaburan sebanyak RM63.02 billion sewaktu lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Mesyuarat Ke-30 Pemimpin-Pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di San Francisco, California pada 15-17 November 2023 yang lalu. Lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Amerika Syarikat tersebut juga merupakan kali kedua pada tahun ini, selepas lawatan beliau ke Sesi ke-78 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York dari 20 hingga 24 September 2023. Malaysia dan Amerika Syarikat juga akan menyambut ulang tahun Perkongsian Komprehensif Ke-10 pada tahun 2024.

6. Dalam hal ini, Malaysia mengambil pendekatan yang pragmatik untuk mengekalkan hubungan serta kerjasama dua hala yang baik dengan semua negara. Hubungan diplomatik yang baik dengan Amerika Syarikat dan negara-negara lain dapat dimanfaatkan oleh Malaysia bagi menzahirkan pendirian negara berhubung isu Palestin dan seterusnya menggesa negara-negara berkenaan untuk memberi tekanan kepada pihak Israel. Negara-negara tersebut juga rata-ratanya menghormati pendirian Malaysia dan mengambil maklum bahawa prinsip dan pendirian Kerajaan dalam isu ini adalah sesuatu yang telah didukung sekian lama oleh Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua,**

7. Malaysia akan terus lantang menyatakan sokongan dan solidariti kepada Palestin. Malaysia juga akan terus menggesa supaya usaha segera dapat diambil untuk menamatkan kekejaman Israel terhadap rakyat Palestin di Gaza dan seterusnya menyeru seluruh masyarakat antarabangsa untuk mencari penyelesaian segera konflik Palestin-Israel ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KETIGA 2023, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA  
ANIFAH BIN AMAN**  
**TARIKH : 12 DISEMBER 2023**

**TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANIFAH BIN AMAN** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan proses penyelarasan gaji untuk penjawat awam seperti yang diumumkan dalam Belanjawan 2024 terutamanya bagi Wilayah Persekutuan Labuan dan Negeri Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan kini sedang melaksanakan kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) bagi menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang telah mula diguna pakai sejak 1 November 2002. Kajian tersebut akan memberi fokus ke arah membangunkan Perkhidmatan Awam yang moden menerusi pendigitalan serta ekosistem baharu, peningkatan kemahiran pekerja (*multi-skilling/multi-tasking*) dan fleksibiliti dalam cara bekerja. Kajian ini juga akan memberi perhatian terhadap isu-isu produktiviti Perkhidmatan Awam, kos sara hidup di kalangan Penjawat Awam dan kemampuan fiskal Kerajaan.
  
2. Kajian SSPA secara menyeluruh ini sedang giat dilaksanakan bagi meneliti keperluan semua Skim Perkhidmatan dan dijangka akan dimuktamadkan pada penghujung tahun hadapan. Sementara menunggu Kajian SSPA ini dimuktamadkan, Kerajaan telah bersetuju supaya Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam pada kadar RM1,000 hingga RM2,000 diberikan kepada semua Penjawat Awam termasuk anggota Tentera, Polis, Bomba, angkatan bersenjata dan seluruh anggota beruniform dan pembayaran akan dibuat pada akhir Februari 2024.

3. Kenaikan gaji Perkhidmatan Awam akan ditentukan setelah kajian penambahbaikan Struktur Perjawatan dan Skim Perkhidmatan disiapkan pada tahun hadapan. Semakan ke atas gaji Perkhidmatan Awam akan mengambil kira keseluruhan aspek seperti kenaikan kos sara hidup serta dasar-dasar semasa Kerajaan seperti Dasar Gaji Progresif dan Dasar Pengoptimuman Perkhidmatan Awam.

Sekian, terima kasih.